



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.34 | DUHA 6.56 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.53 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.44

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 23

22 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 23

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"WAHAI orang yang beriman! Jika kamu menolong (membela agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu mencapai kemenangan dan meneguhkan pendirian kamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Muhammad, ayat 7.

FOKUS TINGKATKAN STANDARD KESELAMATAN, KEBOLEHPERCAYAAN OPERASI, INTEGRITI ASET

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Semua pihak berkepentingan digesa untuk terus fokus dalam meningkatkan standard keselamatan, menambah baik kebolehpercayaan operasi dan integriti aset, meningkatkan kecemerlangan pelaksanaan dan membina prestasi kepimpinan yang kukuh sebagai langkah ke hadapan di tahun 2025.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-414 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-192 bagi Suku Pertama Tahun 2025 yang diadakan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

CBNA pupuk kerjasama perdagangan Brunei, Kanada

Oleh : Marlinaawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Februari. - Pelancaran Persatuan Dewan Perdagangan dan Jaringan Kanada-Brunei (CBNA) yang diadakan di Pusat Latihan Serba Guna CAE mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kanada.

Pelancarannya dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie.

Menteri Promosi Eksport, Perdagangan Antarabangsa dan Pembangunan Ekonomi Kanada, Yang Berhormat Mary Ng dalam ucapannya berkata, Kanada sentiasa bersedia untuk menjadi rakan kongsi yang boleh dipercayai dan CBNA akan membantu dalam merealisasikan peluang berkenaan, selain memupuk kesalinghubungan lebih mendalam antara kedua-dua komuniti perniagaan.

>> Muka 8

Doa Kesyukuran, membaca Surah Yaa Siin sempena HK NBD Ke-41

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyambut Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Ke-41, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada 23 Februari 2025 dengan tema sambutan pada tahun ini ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Sehubungan dengan itu, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa

Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 1446H / 2025M akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada petang Sabtu malam Ahad, 24 Syaaban 1446H bersamaan 22 Februari 2025M mulai jam 5.45 petang.

>> Muka 6

YSHHB hulur sumbangan lebih BND76,000

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Sebanyak 71 buah masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara menerima sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND76,700 dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada Majlis Penyampaian Sumbangan YSHHB Kepada Sebahagian Masjid, Surau, Balai-balai Ibadat yang diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB, di sini. Sumbangan kewangan berkenaan adalah

bagi mengadakan majlis dan aktiviti takmir khususnya bagi sepanjang Ramadan 1446 Hijrah yang akan datang.

Bagi masjid, surau dan balai ibadat di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait, sumbangan kewangan YSHHB disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB.

>> Muka 9



Berita Utama



PELITA Brunei hari ini menerbitkan KELUARAN KHAS sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41



RESEPSI Makan Malam sempena Hari Kebangsaan, Pembebasan Kuwait

Muka 10



RB mulakan penerbangan sulung ke Balikpapan

Muka 14



NBD ketengahkan penyelesaian inovatif kelestarian laut di ABIC

Muka 19

Transformasi PKBN dapat hasilkan belia berintegriti, berdisiplin, bertanggungjawab, berdaya tahan

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarahil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir bagi menyaksikan Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 pada pagi yang permai ini.

Terlebih dahulu beta dengan besar hati ingin mengucapkan syabas kepada seramai 367 orang Pelatih PKBN Pengambilan Ke-13 di atas persembahan perbarisan yang kemas dan bersemangat sebentar tadi.

Sebagai pengambilan-pengambilan PKBN sebelumnya, pencapaian latihan PKBN terus-menerus menerapkan nilai-nilai murni dan jati diri dengan mengekalkan calak kebruneian dalam melahirkan generasi belia Brunei yang siap siaga selaku pemacu pembangunan negara.

Melalui program ini, para pelatih diharapkan akan lebih bersedia dalam menghadapi cabaran kehidupan sehari-hari dengan mengamalkan apa yang telah mereka pelajari.

Beta mengambil maklum bahawa dalam

PKBN Pengambilan Ke-13 ini, PKBN sekali lagi melakar sejarah dengan kesemua para pelatih berjaya menamatkan latihan PKBN dengan baik, selamat dan sempurna.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian ini ialah penerapan Program 'Pre-Conditioning and Injury Management' pada dua minggu pertama latihan dijalankan sebagai nilai tambah kepada para Pelatih PKBN. Melalui inisiatif ini, ianya telah dapat memastikan para pelatih mempunyai daya tahan kecerdasan fizikal, mental dan rohani dalam menempuh cabaran latihan PKBN ini.

Beta mengambil maklum semasa Pengambilan PKBN Ke-13 ini, beberapa modul latihan baharu telah diperkenalkan iaitu Program Keugamaan dan Kerohanian serta Khidmat Komuniti Kepimpinan Islam, Sejarah dan Tamadun Islam, Kesihatan Mental dari Perspektif Islam dan Program Pemedulian Golongan-golongan Sasaran.

Penambahan ini bertujuan untuk memantapkan lagi ilmu pengetahuan, kesedaran serta keprihatinan para pelatih terhadap isu-isu penting dan kontemporari bagi mempersiapkan mereka dalam mengharungi cabaran-cabaran terkini dan akan datang. Beta percaya dengan evolusi serta transformasi PKBN ini akan dapat menghasilkan lebih ramai lagi belia yang berintegriti, berdisiplin, bertanggungjawab dan berdaya tahan.

Beta melihat, sudah tiba masanya untuk latihan PKBN ini diteliti semula akan tempoh latihannya, kiranya dapat dilaratkan kepada



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-13 pada Isnin, 18 Syaaban 1446 Hijrah / 17 Februari 2025 Masih bertempat di Padang Kawad, Kem Latihan PKBN, Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

enam bulan. Penambahan tempoh ini akan memberikan jangka masa latihan yang lebih kondusif dan mencukupi bagi mencapai matlamat utama latihan PKBN. Ianya juga akan memperluas ruang untuk para pelatih menjalani latihan yang lebih efektif, komprehensif dan teratur. Di samping itu, mereka juga akan dapat menyesuaikan diri dengan kadar intensiti latihan secara berperingkat.

Beta sangat berharap supaya agensi-agensi yang berkepentingan sama ada sektor kerajaan, swasta dan Badan Persatuan Bukan Kerajaan (NGOs) akan dapat memberikan sokongan dan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan serta merealisasikan perancangan ini.

>> Muka 8

WAKTU SEMBAHYANG

FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	23	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.44
23	AHAD	24	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
24	ISNIN	25	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	SELASA	26	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.51	6.34	7.43
26	RABU	27	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	KHAMIS	28	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.51	6.33	7.43
28	JUMAAT	29	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
30 °C 24 °C Cloudy with rain	31 °C 24 °C Cloudy with rain	32 °C 25 °C Partly cloudy
Pekan Bangar		
30 °C 24 °C Cloudy with rain	31 °C 24 °C Cloudy with rain	32 °C 25 °C Cloudy with rain
Pekan Tutong		
30 °C 24 °C Cloudy with rain	31 °C 24 °C Cloudy with rain	32 °C 25 °C Partly cloudy
Kuala Belait		
30 °C 24 °C Cloudy with rain	31 °C 24 °C Cloudy with rain	32 °C 25 °C Cloudy with rain
Wallauhala Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.mef.gov.bn	

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Fokus tingkatkan standard keselamatan, kebolehpercayaan operasi, integriti aset

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



>> Muka 1

Komitmen yang teguh dalam tadbir urus yang berkesan, etika dan pematuhan sentiasa diterapkan di dalam operasi bagi memastikan kemampunan, kredibiliti dan kejayaan jangka panjang, yang akan menjadi kunci untuk menjamin pertumbuhan yang berterusan dan berkekalan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad

(BSP) Ke-414 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-192 bagi Suku Pertama tahun 2025 yang berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), pagi tadi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSP dan



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-414 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-192 bagi Suku Pertama Tahun 2025 yang berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM) (kiri dan atas).

BSM.

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan titah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BSP dan BSM.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mempengerusikan mesyuarat tersebut (kanan dan bawah).

Mesyuarat juga turut menandakan berakhirnya sesi Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Venture bagi Suku Pertama 2025.



PERANCANGAN JANGKA PANJANG ASAS PENTING PASTIKAN KEMAMPANAN BSJV, BGC

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN,
Rabu, 19 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempergerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-225 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-111 bagi Suku Pertama Tahun 2025.

Mesyuarat tersebut berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli-ahli Lembaga Pengarah BLNG dan BGC.

Pada permulaan mesyuarat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempergerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah BLNG Ke-225 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah BGC Ke-111 bagi Suku Pertama Tahun 2025 (atas).

mengurniakan titah.

Dalam titah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menzhirkan penghargaan di atas kemajuan yang telah dicapai oleh Syarikat-syarikat Brunei Shell Joint Ventures dan Syarikat BGC sepanjang tahun 2024 dalam bidang-bidang utama.

Bagaimanapun seterusnya bertitah menekankan kepentingan untuk mengekalkan pencapaian ini serta untuk terus memperkuuhkan lagi usaha ke arah kecemerlangan.

Dalam titah tersebut, baginda juga menggalakkan komitmen berterusan daripada kaktangan dan kepimpinan dalam meningkatkan prestasi syarikat.

Selain itu, baginda bertitah menegaskan bahawa



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mempergerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei LNG Sendirian Berhad (BLNG) Ke-225 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-111 bagi Suku Pertama Tahun 2025 (atas dan kiri).

perancangan jangka panjang adalah asas penting dalam memastikan kemampunan dan daya saing Brunei Shell Joint Ventures dan Syarikat BGC serta meletakkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan dan kejayaan syarikat yang berterusan.

Mesyuarat berkenaan membincangkan aspek utama seperti prestasi operasi, keselamatan, kewangan, dan pembangunan tenaga manusia, di samping menetapkan hala tuju strategik bagi BLNG dan BGC untuk tahun-tahun mendatang.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan bacaan doa.

Mesyuarat dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan termasuk Shareholder Directors yang mewakili Kerajaan Kebawah DYMM; Shell plc dan Mitsubishi Corporation serta ahli-ahli kepimpinan daripada BLNG dan BGC.

Kebawah DYMM seterusnya akan mempergerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-414 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Marketing Sendirian Berhad (BSM) Ke-192 bagi Suku Pertama Tahun 2025 pada hari esok.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mempergerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah BLNG Ke-225 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah BGC Ke-111 bagi Suku Pertama Tahun 2025 (atas).

ANTARA yang hadir pada mesyuarat tersebut (kanan).



YSHHB ADAKAN DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DPMM

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor /
Morshidi, Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang Ke-51 Tahun (atas dan kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang Ke-51 Tahun.

Berangkat pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir YSHHB.

Majlis Doa Kesyukuran berkenaan berlangsung di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengurus Lembaga Pemegang Amanah DANA; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pemegang Amanah DANA; dan Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Turut menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB, iaitu Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bertahlil beramai-ramai diikuti dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-51 Tahun.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

DANA adalah merupakan

pesambahan yang berkekalan dalam bentuk yayasan amal yang disembahkan oleh YSHHB bersempena dan pada memperingati Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 Hijrah bersamaan 10 Ogos 1998

Masihi. DANA telah ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429H bersamaan 25 Ogos 1998M.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, serta Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA. Turut hadir ialah para jemputan khas di antaranya para penyumbang tetap DANA; para pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru sekolah YSHHB.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menadah tangan ketika doa dibacakan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia berangkat ke Majlis Santap.



MMN adakan Doa Selamat, memohon keberkatan Istiadat Pembukaan Rasmi

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN hadir pada Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat yang turut diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat (kanan), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama daripada Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat diadakan petang tadi di Surau Jabatan Majlis-Majlis

Mesyuarat yang turut diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat.

Majlis penuh keberkatan berkenaan dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman

bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, serta Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Tsuufiy bin Haji Abdul Wahab, sebelum diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat.

Sebagai sebahagian daripada

persiapan rasmi, majlis berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk memohon keberkatan dan kelancaran bagi Istiadat Pembukaan Rasmi dan sepanjang persidangan tetapi juga melambangkan kesepadan dan iltizam dalam menuai amanah serta tanggungjawab yang digalas oleh MMN.

RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MMN



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN hadir menyaksikan raptai penuh berkenaan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama

daripada Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah /

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SEKITAR raptai penuh yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Hadir menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut serta semasa raptai penuh ialah Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN; Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN serta agensi-agensi yang terlibat dalam istiadat berkenaan nanti.

Doa Kesukuran, membaca Surah Yaa Siin sempena HK NBD Ke-41

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara pada petang Sabtu, malam Ahad, 24 Syaaban 1446H bersamaan 22 Februari 2025M mulai jam 5.45 petang dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan beberapa masjid tumpuan yang lain, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkuron; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Sementara bagi Daerah Tutong ialah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; manakala di Daerah Temburong bertempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Raptai penuh Hari Kebangsaan berjalan lancar



JUGA berangkat dan hadir menyaksikan raptai penuh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-41, Tahun 2025 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara dan Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet (atas kanan), manakala gambar atas dan bawah kanan, sebahagian yang menyertai raptai tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien tidak lama lagi akan menjadi tumpuan utama khususnya bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam sama-sama memeriahkan lagi acara kebesaran negara, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Ke-41, Tahun 2025 pada 23 Februari ini.

Setentunya, upacara tersebut bakal mencatatkan satu lagi koleksi sejarah negara sekali gus menjadi ristaan tersendiri dalam menanai semangat patriotisme selaku anak watan NBD. Dalam masa yang sama, acara ini adalah untuk meraikan tanda kasih sayang kita kepada negara yang aman, makmur dan dicintai ini.

Lebih 20,000 peserta dalam kalangan penuntut, warga Perkhidmatan Awam serta sektor swasta akan menjayakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41. Sehubungan itu, raptai penuh terakhir diadakan pagi tadi bagi memastikan setiap perjalanan atur cara adalah tersusun seperti yang dirancang.

Hadir menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Penggerusi-penggerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga berangkat dan hadir, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Bertemakan 'Bersatu Mencapai Cita Negara', Upacara Perhimpunan Agung Sambutan



Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Ulang Tahun HK NBD kali ini akan dimeriahkan dengan Perbarisan Lalu yang disertai oleh lebih 11,000 peserta dan kira-kira 9,000 peserta persembahan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan kata-kata nasihat dan semangat, sejurus selesai raptai penuh berkenaan mengingatkan setiap peserta yang terlibat semasa upacara

perhimpunan agung nanti supaya akan mengambil langkah untuk menjaga kesihatan, menjaga makan dan minum dan tidak membiarkan perut kosong.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat turut menzahirkan ucapan tahniah kepada seluruh warga peserta yang terlibat kerana telah memperkenalkan latihan yang cukup mantap dan sangat membanggakan.



TINJAUAN PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir semasa tinjauan berkenaan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Majlis Kesukuran Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 akan diadakan pada Sabtu, 22 Februari ini.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran dan kesempurnaan majlis, tinjauan mengenai majlis tersebut diadakan hari ini di Masjid Omar 'Ali

Saifuddien.

Hadir semasa tinjauan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan serta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Selain tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, acara keagamaan ini juga akan diadakan di beberapa buah masjid di seluruh negara sebagai tumpuan iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanil Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,

Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Bagi Daerah Belait, tumpuan majlis akan diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria.

Manakala bagi Daerah Tutong

pula, tumpuan majlis akan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan bagi Daerah Temburong, tumpuan majlis di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Oleh itu, rakyat dan penduduk di NBD adalah dialu-alukan hadir di masjid-masjid yang berkenaan bagi sama-sama merafakkan kesyukuran bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD dan semoga NBD terus maju, aman serta dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'alaa jua.

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



DOA KESYUKURAN RAIKAN ULANG TAHUN MASJID KAMPUNG PULAIE



Oleh : Nooratin Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

PULAEI, Jumaat, 21 Februari. - Masjid Kampung Pulaie kini mencapai usia 38 tahun penubuhannya pada tahun ini.

Masjid berkenaan dirasmikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit (Menteri Pembangunan pada masa itu) iaitu pada Jumaat,

15 Jamadilawal 1407 Hijrah bersamaan dengan 17 Januari 1987 Masihi.

Pada awalnya masjid ini hanya menampung seramai 400 jemaah. Dengan bertambahnya penduduk kampung dan jemaah, masjid ini diperbesarkan lagi secara berperingkat dan sekarang memuatkan kira-kira 2,000 orang

jemaah dalam satu masa. Sehubungan dengan itu, bagi memperingati penubuhannya, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pulaie (AJKTMKP) petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Masjid Kampung Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis. Majlis seterusnya diserikan dengan bacaan khatam Al-Quran terdiri daripada AJKTMKP, jemaah Masjid Kampung Pulaie dan kumpulan muslimah Masjid Kampung Pulaie. Seramai 113 peserta khatam menyertai majlis tersebut di mana setiap seorang membaca satu

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Masjid Kampung Pulaie.

juzuk.

Bacaan Doa Selamat dan Doa Kesyukuran dibacakan oleh imam masjid berkenaan, Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh yang juga selaku Pengurus AJKTMKP.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian cenderahati kepada 12 mantan imam, bilal dan marbut yang pernah bertugas di masjid tersebut.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, yang juga Penaung AJKTMKP; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang juga Penaung AJKTMKP serta pegawai-pegawai kanan yang lain.

CBNA pupuk kerjasama perdagangan Brunei, Kanada

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



>> Muka 1

"Dewan perdagangan baharu ini menunjukkan dengan tepat bentuk kolaborasi yang diharapkan dalam strategi kami iaitu mewujudkan peluang bagi perkongsian, perdagangan dan membina masa hadapan bersama yang lebih mampar," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa bangga dengan delegasi perniagaan Kanada yang memiliki pelbagai kepakaran sejarah dengan Wawasan Brunei 2035.

Menurutnya, NBD dan Kanada menunjukkan bagaimana kerjasama antarabangsa dan perdagangan terbuka mewujudkan makmuran bersama.

"Perkongsian kita memperkenalkan nilai sistem perdagangan berkekalan yang boleh dijangka dan berdasarkan peraturan; serta rantaian bekalan yang teguh dan pelbagai," ujarnya.

Dewan berkenaan bertujuan bagi memupuk kolaborasi dan

mencapai manfaat bersama antara perniagaan di kedua buah negara.

Dewan tersebut akan berfungsi sebagai institusi utama selaras dengan perkembangan hubungan perdagangan dan persahabatan antara NBD dan Kanada.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Di kesempatan ini, beta sukcita turut mengambil maklum bahawa buat julung kalinya seramai 15 orang Alumni PKBN telah kembali untuk menyumbangkan khidmat mereka semula sebagai jurulatih yang diiktiraf di dalam bidang kemahiran kawad dan kemahiran latihan jasmani melalui Program 'Train-the-Trainers'. Program ini jelas sekali mampu untuk memperkasa kemahiran (*up-skilling*) para Alumni PKBN dalam membantu mengendalikan serta melaksanakan program-program di bawah Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKNB). Pada masa yang sama, ianya merupakan satu inisiatif untuk membuka peluang pekerjaan dan seterusnya menjadi rancangan penggantian (*succession planning*) dalam jangka masa panjang BKNB. Beta berharap program ini akan dapat diteruskan dengan lebih ramai penyertaan daripada Alumni PKBN lainnya.

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua para Pelatih PKBN Pengambilan Ke-13 atas pengorbanan, ketekunan dan dedikasi mengharungi liku-liku cabaran latihan dengan jayanya.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada para ibu bapa dan penjaga serta ahli-ahli keluarga para pelatih di atas suntikan semangat, bimbingan dan sokongan padu mereka yang berterusan.

Semoga para pelatih dan semua yang terlibat dalam melaksanakan program ini akan memperolehi berkat, hidayah dan sentiasa di dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'alaa. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MESYUARAT BINCANG KERTAS KERJA SAMBUTAN HARI-HARI KEBESARAN ISLAM 1447H

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Bagi melancarkan Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah, Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah telah bersidang bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan kertas kerja Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara yang akan diadakan sepanjang tahun 1447 Hijrah iaitu Majlis Sambutan Ialal Hijrah 1447 Hijrah; Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam; Majlis Perhimpunan Khas Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam; Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara dan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara serta Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Antara agenda yang dibincangkan di mesyuarat tersebut ialah cadangan tema bagi setiap Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah, tarikh dan tempat bagi mengadakan majlis, Pengendali-pengendali Bersama Majlis, Atur Cara Utama Majlis, Acara-acara Iringan, Lantikan Ahli Jawatankuasa Bertindak, Ahli Jawatankuasa Tertinggi serta Ahli Jawatankuasa Kerja yang akan diadakan bersempena dengan Hari-hari Kebesaran Islam

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Mufti Kerajaan dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie bergambar ramai pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah.

Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa, diikuti dengan ucapan Pengerusi Mesyuarat, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang antara lain menyatakan, "Sesungguhnya sambutan-sambutan dengan acara majlis-majlisnya memang suatu yang dilihat rutin tahunan. Namun kesan atau impaknya ialah suatu usaha yang konsisten berterusan pada mensyiar Islam ugama rasmi negara. Sambil itu meneguhkan penghayatan berugama, dengan amalan dan kefahaman menurut aliran perdana yang diikuti di negara kita yang aman damai ini".

Alhamdulillah, jelas Yang Berhormat, kesemua itu dapat berlangsung dengan harmonis dan seimbang bagi mencapai kejayaan



dunia dan akhirat. Ia sudah merupakan sebagai cara hidup kita secara individu persendirian, keluarga, kemasyarakatan dan kebangsaan.

Tambah Yang Berhormat lagi, demikian itulah keislaman kita di Negara Brunei Darussalam (NBD) berkat adanya kepimpinan bijaksana lagi berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama di mesyuarat tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul

Aziz bin Juned; dan Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian-kementerian; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan jawatankuasa-jawatankuasa tertinggi yang lain.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam di NBD akan terus disambut secara besar-besaran.

Selain daripada acara-acara keugamaan yang dikendalikan

oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat seperti bacaan Doa Awal dan Akhir Tahun, acara-acara di Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam juga akan disambut dan dirayakan di peringkat negara.

Adalah menjadi harapan pihak jawatankuasa agar Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan sepanjang tahun 1447 Hijrah dikendalikan dengan lebih teratur dan sempurna, dan sambutan diisi dengan acara bermanfaat yang boleh mengasuh serta memupuk semangat cintakan Allah, cintakan rasul, cintakan agama dan raja oleh seluruh rakyat dan penduduk di samping menambahkan lagi keimanan kepada umat Islam khususnya di NBD.

YSHHB hulur sumbangan lebih BND76,000



Lembaga Pengarah YSHHB.

Sumbangan berkenaan telah diserahkan kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid berkenaan.

Penubuhan YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda

kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Dalam usaha menyokong peranan masjid untuk meningkatkan dan

mengembangkan syiar Islam, YSHHB memberikan bantuan dan sumbangan kepada sebahagian masjid, surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi mengadakan majlis dan aktiviti takmir masjid, surau dan balai-balai ibadat.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkenaan serta pegawai-pegawai YSHHB.

RESEPSI MAKAN MALAM SEMPENA HARI KEBANGSAAN, PEMBEBASAN KUWAIT

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



JERUDONG, Khamis, 20 Februari.

- Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait Ke-64 dan Sambutan Hari Pembebasan Kuwait Ke-34, Kedutaan Besar Kuwait di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Resepsi Makan Malam di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, malam tadi.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dan Kuwait. Seterusnya Charge d'Affaires ad interim of the State of Kuwait, Khaled Al Farhan menyampaikan ucapan, diikuti dengan penyampaian cenderamata kepada Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM.

Dalam ucapannya menyatakan hubungan dua hala antara Kuwait

dan NBD terus berkembang dengan mantap, disokong dan diperkuat melalui pertukaran lawatan peringkat tinggi.

Jelasnya lagi, kedua-dua buah negara telah berjaya mewujudkan asas yang kukuh untuk kerjasama pada masa depan dalam banyak bidang kepentingan bersama, terutamanya melalui penandatanganan pelbagai perjanjian semasa Lawatan Negara.

"Saya yakin bahawa di bawah bimbingan dan sokongan kepimpinan bijaksana kedua-dua negara, kedua-dua kerajaan akan terus didorong untuk memperkuatkukan hubungan persahabatan kita dan mencapai kerjasama yang konkret dalam semua bidang kepentingan bersama," ujarnya.

Dalam konteks ini, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dijangka akan melakukan Lawatan Rasmi ke Kuwait untuk mengadakan perbincangan dengan rakan sejawat mereka di Kuwait, iaitu Kuwait Investment Authority dan Dewan Perniagaan dan Industri Kuwait serta untuk meneroka peluang-peluang pelaburan bersama di kedua-dua negara.

Selain itu, beliau menekankan bahawa Mesyuarat Ke-4 Jawatankuasa Bersama Kuwait-NBD mengenai Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dijadualkan akan diadakan dalam masa terdekat, di mana agenda mesyuarat dijangka akan meliputi pelbagai sektor seperti ekonomi, perdagangan, pelaburan serta



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Resepsi Makan Malam berkenaan (atas dan kiri).

penglibatan sektor swasta. Beliau seterusnya menjelaskan lagi, hubungan dua hala juga semakin mendapat momentum dalam pertukaran budaya dan hubungan rakyat ke rakyat.

Pada majlis itu, Yang Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM dan Charge d'Affaires ad interim of the State of Kuwait, Khaled Al Farhan berserta wakil-wakil Majlis Kerjasama Negara-negara Arab Teluk (GCC) bersama-sama memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait.

Dalam pada itu, NBD dan Kuwait menjalinkan hubungan diplomatik sejak 1 Mei 1990 dan terus berkembang sehingga kini meliputi

bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, pendidikan, kesihatan, pelancongan dan sukan.

Sejak penubuhan diplomatik, kedua-dua buah negara merancang beberapa strategi untuk mengeratkan lagi hubungan dengan mengadakan pertukaran lawatan di antara pemimpin, pembesar dan mengadakan mesyuarat dua hala di antara kedua-dua buah negara.

NBD telah menubuhkan pejabat di Kuwait pada bulan Disember 2009, manakala Kuwait pula menubuhkan pejabat kedutaannya di Bandar Seri Begawan pada bulan September 2008.

Upacara Menaikkan Bendera tanamkan semangat patriotik



ANTARA penduduk kampung Kawasan 1 dan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang yang menghadiri Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 (atas), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Ketua Kampung Subok hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MERAGANG, Jumaat, 21 Februari.
- Seramai 100 penduduk kampung Kawasan 1 dan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang menghadiri Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025 yang diadakan di kawasan Masjid Az-Zakireen Meragang, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Lamat juga selaku Ketua

Kampung Subok. Juga hadir, Pemangku Penghulu Mukim Serasa, Awang Mohammad bin Haji Tamin; ketua-ketua kampung serta para jemputan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Shahbirin bin Haji Mohd. Noor, diikuti dengan upacara meraikan bendera dengan diiringi oleh Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Dengan adanya upacara berkenaan adalah salah satu tanggungjawab rakyat dan penduduk Negara Brunei

Darussalam dalam mentaati dan menghormati bendera kebangsaan dan juga menanamkan semangat patriotik kepada warga penduduk RPN Kampung Meragang khususnya Kawasan 1 dan 2 dalam memulihkan tanggungjawab untuk memajukan negara melalui peranan komuniti dan kejiraninan kampung dalam menyahut tema Hari Kebangsaan NBD Ke-41 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Selain itu juga, bagi menzahirkan semangat di mana bendera negara merupakan citra sejarah dan jati diri bangsa bagi sesebuah negara selain daripada lambang kemerdekaan, perpaduan dan kebebasan sebuah negara.



30 keluarga mualaf terima sumbangan Projek Fathul Barakah 6.0



ANTARA yang menerima bantuan berupa barang makanan serta penyerahan Surat Bantuan Makan dan Minum, Program Bertadarus, Bersungkai dan Sembahyang Sunat Tarawih Bersama Mualaf 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Ukong (kiri dan kanan).

TUTONG, Rabu, 19 Februari. - Bagi tujuan untuk sama-sama meringankan beban para asnaf mualaf dalam menampung keperluan harian terutama bagi persiapan menyambut kedatangan bulan Ramadan yang akan tiba, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru Negara Brunei Darussalam (NBD) petang tadi mengadakan Majlis Penyerahan Projek Fathul Barakah 6.0 bagi mualaf Daerah Tutong, bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.

Pada majlis berkenaan, sebanyak 30 buah keluarga mualaf

yang memerlukan di Daerah Tutong menerima bantuan berupa barang makanan serta penyerahan Surat Bantuan Makan dan Minum, Program Bertadarus, Bersungkai dan Sembahyang Sunat Tarawih Bersama Mualaf 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha oleh Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Awang

Muhammad Salihan bin Samra. Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman selaku Timbalan Pengerusi Bersama Projek Fathul Barakah 6.0.

Awang Haji Ahmad Abdussalam dalam ucapannya antara lain menzhahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang ramai atas sambutan yang menggalakkan dalam menjayakan Projek Fathul Barakah baru-baru ini.

Terdahulu, PDI dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru NBD telah mengungkapkan Projek Fathul Barakah 6.0 bersempena

menyambut kedatangan bulan Ramadan 1446H.

Projek juga bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai sama-sama memberikan infak jariah berupa makanan asasi kepada asnaf mualaf yang memerlukan di samping sebagai satu sarana dakwah dalam memeduli kesejahteraan asnaf mualaf bagi menjamin kehidupan yang lebih baik.

Lebih daripada 600 set infak berjaya dikumpul melalui projek berkenaan yang telah diungkayahkan di keempat-empat buah daerah secara pandu lalu, iaitu di Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie pada 8 dan 9 Februari 2025.

UCAPAN alu-aluan oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Manakala, di Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Pejabat Unit Da'wah Daerah Belait dan Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong telah diadakan pada 10 dan 11 Februari 2025.

Penyerahan infak akan diteruskan lagi oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf), PDI dan Unit Da'wah daerah masing-masing dengan mengunjungi beberapa buah rumah para mualaf yang terpilih.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai dan Ahli-ahli Persatuan Saudara-saudara Baru NBD.

STARTUP673 HACKATHON MEMPERKASA PENYELESAIAN INOVATIF, KREATIF



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Penutup yang diadakan di Tarindak D'Seni (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Pusingan Kedua Startup673 Hackathon Kebangsaan yang berlangsung selama 15 hari melalih tirai dengan Majlis Penutup yang diadakan di Tarindak D'Seni, di sini.

Pusingan kali ini memfokuskan kepada inovasi dan kerjasama menyaksikan 57 peserta berbakat yang merangkumi 11 pasukan dinamik, berhimpun dalam misi untuk menangani cabaran industri menerusi penyelesaian inovatif.

Majlis disempurnakan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di MTIC,

Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim, serta pegawai-pegawai dari Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Shell LiveWIRE Brunei, Brunei Innovation Lab dan Pihak Berkua Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Selepas kejayaan acara sulungnya, Hackathon Kebangsaan terus memupuk persekitaran yang dinamik di mana kreativiti dan kerja berpasukan berkembang pesat. Ini jelas terbukti apabila para peserta giat menjalankan sesi percambahan idea, penyelesaian masalah dan pembangunan produk.

Dk. Nur Aziemah selaku Penyelaras Utama Hackathon, memuji dedikasi dan kepintaran para peserta dan menurut beliau

pada tahun ini, acara ini menyaksikan minda-minda cemerlang bersatu dengan visi unik dan matlamat yang sama iaitu menyelesaikan cabaran dunia sebenar melalui kreativiti dan kerjasama. Tenaga, semangat dan ketekunan yang ditunjukkan oleh semua peserta benar-benar memberi inspirasi. Mereka bukan sahaja menerima cabaran yang diberikan, tetapi juga melangkaui batasan dengan mengubah idea berani menjadi penyelesaian yang nyata.

Majlis ini turut menyaksikan penyampaian Pembiayaan Permulaan kepada pasukan terbaik yang berjaya memikat hati para juru juri dengan kreativiti dan daya maju mereka.

Pembiayaan permulaan

diberikan kepada 'Seri Hub', sebuah pasaran dalam talian yang memastikan penetapan harga yang adil dan mempromosikan kelestarian makanan.

Manakala tawaran pembiayaan bersyarat diberikan kepada 'Good Vibes', aplikasi berdasarkan komuniti yang direka untuk meningkatkan kesedaran mengenai penipuan semasa dengan penggunaan AI dan elemen gamifikasi.

Anugerah 'MVP' pula diberikan kepada Qoyum dari 'Q. Branch' sebagai pengiktirafan atas usaha beliau dalam menyelesaikan prototaip berfungsi bagi aplikasi pencocokan perniagaan yang memfokuskan kepada pemeterian perjanjian.

Kejayaan pusingan kedua ini menandakan satu lagi pencapaian dalam misi Startup673 untuk memupuk pemimpin dan inovator

masa depan dalam ekosistem startups tempatan.

Dengan Fasa 1 kini selesai, para peserta akan menumpukan perhatian kepada Fasa 2, di mana mereka akan memperhalusi lagi penyelesaian mereka dan bersedia untuk penembusan pasaran.

Startup673 kekal komited dalam memupuk inovasi dan kerjasama, dan National Hackathon terus menjadi tunjang utama dalam merealisasikan visi ini.

Startup673 adalah hasil kerjasama antara BEDB, Shell LiveWIRE Brunei, Brunei Innovation Lab, dan AITI dalam usaha membina serta mengukuhkan ekosistem startups di Brunei.

Untuk maklumat lanjut mengenai National Hackathon dan acara yang akan datang, sila layari [@startup673.bn](https://startup673.bn) di Instagram atau hubungi Mizie +673 8848 266.

21 anak yatim STKRJ Sungai Buloh terima sumbangan

Berita dan Foto : Aimi Sani



MUKIM MENTIRI, Jumaat, 21 Februari. - Anak-anak yatim di negara ini sering mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dari semasa ke semasa khususnya setiap menjelangnya bulan Ramadan.

Sehubungan itu, bagi membantu dalam membuat persiapan bulan Ramadan, Majlis Perundingan Kampung (MPK), Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Sungai Buloh, Mukim Mentiri, petang tadi menganjurkan Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim STKRJ Sungai Buloh.

Seramai 21 anak yatim yang terdiri daripada penduduk STKRJ Sungai Buloh menerima sumbangan derma berupa kewangan. Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sijil kepada 18 Ahli MPK dan diakhiri



MAJLIS Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim STKRJ Sungai Buloh disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan kiri).

dengan Majlis Tahlil dan Doa Arwah bagi mengingati ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah.

Hadir menyampaikan sumbangan derma ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan. Juga hadir, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang A. Hamidun bin Mohd. Daud yang juga selaku Ketua Kampung STKRJ Kampung Sungai Buloh.

91 TERIMA SURAT LANTIKAN AJKT JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Pengimaran masjid bukanlah suatu yang mudah dan bukan hanya menjadi tanggungjawab pegawai masjid sahaja tetapi juga Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) masjidnya.

Setentunya komitmen Ahli Jawatankuasa (AJK) amat penting

dalam sama-sama menjayakan aktiviti takmir masjid kerana setiap kejayaan tidak akan dapat dicapai jika hanya satu pihak sahaja yang bergerak secara sendirian.

Justeru dengan kerjasama kedua-dua pihak berkenaan akan menjadikan masjid menjadigilang-gemilang dengan pelbagai aktiviti takmir.

Sehubungan dengan itu, seramai 91 orang telah menerima Surat Lantikan AJKT Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong bagi Sesi 2025 hingga 2027 pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan AJKT Masjid 2022 - 2024 dan Surat Lantikan AJKT Jame' 'Asr Hassani Bolkiah bagi Sesi 2025-2027 yang mengambil tempat di masjid berkenaan, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

SEHUBUNGAN dengan itu, seramai 91 orang telah menerima Surat Lantikan AJKT Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong bagi Sesi 2025 hingga 2027 pada Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan AJKT Masjid 2022 - 2024 dan Surat Lantikan AJKT Jame' 'Asr Hassani Bolkiah bagi Sesi 2025-2027 yang mengambil tempat di masjid berkenaan, malam tadi.

majlis dan seterusnya menyampaikan sijil penghargaan serta surat lantikan kepada AJK yang lama dan baharu ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Pentakmiran masjid juga bukan hanya dengan memperbanyakkan

aktiviti yang berbentuk peraduan dan pertandingan yang dianjurkan tetapi hendaklah meliputi pentakmiran secara keseluruhan khususnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah seperti sembahyang lima waktu, kuliah-kuliah ilmu dan lain-lain lagi.



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU

KELUARAN KHAS



خليطابروند
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



برساتو منچا قای چیتانگارا

Bersatu Mencapai Cita Negara

١٤٤٦ شعبان / 23 Februari 2025



Keluaran Sabtu

22 Februari 2025 / 23 Syaaban 1446

Ke-
41
Tahun

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Kali



Perpaduan tunjang kekuatan negara

KEMAJUAN serta perkembangan terkini negara kita telah mengubah landskap negara ke arah negara yang lebih dikenali. Dunia menyaksikan Negara Brunei Darussalam mencipta legendanya sendiri menjadi sebuah empayar yang digalati, menjadi sebuah negara membangun dengan pesat tanpa meninggalkan unsur tradisional yang dipegang sejak berzaman.

Kita perlu bergerak pantas dan seharusnya mempunyai keupayaan, iltizam dan kekuatan untuk kemajuan negara untuk kita terus menikmati taraf hidup yang lebih baik sama ada melalui bidang perniagaan, pekerjaan, pendidikan, kesihatan, perumahan, kemudahan dan infrastruktur.

Kepelbagaiannya kita adalah kekuatan kita memandangkan ia merupakan sumber inovasi dan ia adalah asas ketahanan kita. Kemampuan kita menangani bersama sebarang anasir atau pandemik yang melumpuhkan negara dapat diatasi kerana kekuatan utama yang menyatakan kita sebagai sebuah bangsa yang berdaulat. Jelasnya perpaduan merupakan kunci kestabilan dan kemajuan yang kita nikmati hingga ke hari ini.

Generasi muda perlu menyemai semangat patriotisme dan berakhhlak baik serta menerapkan anjakan paradigma serta kepentingan ilmu bagi membolehkan mereka meneruskan agenda pembangunan negara pada masa depan.

Bersama merealisasikan aspirasi Kebawah DYMM menuju Wawasan Brunei 2035

Kejayaan pembangunan yang telah meningkatkan taraf hidup penduduk dan mengubah kualiti kehidupan rakyat ke arah yang lebih baik menjadi fokus utama dengan mendukung Wawasan Brunei 2035 yang mana negara kita menjadi sebuah negara yang terkenal di seluruh dunia dengan pencapaian Rakyat yang Berpendidikan Tinggi, Berkemahiran dan Berjaya; Rakyat mempunyai Kualiti Kehidupan yang Tinggi dan Ekonomi Negara yang Dinamik dan Berdayatahan.

Rakyat yang berkemahiran, adaptif dan inovatif serta infrastruktur yang berkualiti tinggi akan membolehkan kita bersaing di peringkat serantau dan global.

Pendidikan berkualiti

Pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada generasi kini adalah untuk memelihara negara agar terus merdeka. Memberi peluang kepada rakyat di negara ini berfikiran merdeka dan membuka minda seluas mungkin merentasi sempadan. Tidak keterlaluan dikatakan dengan kematangan fikiran melalui penerimaan pendidikan, rakyat akan menjaga tanah air melalui semangat patriotisme. Dan setentunya dengan pendidikan dan kemahiran yang berkualiti akan menyumbang terhadap kemajuan negara.

Demi memastikan kedaulatan negara kita kekal utuh, masyarakat kita perlu sentiasa menimba ilmu dan belajar untuk memanfaatkan segala kemudahan pada hari ini untuk kebaikan sejagat.

Pendidikan ini juga untuk mempertingkatkan kesedaran, penghayatan serta komitmen rakyat secara berterusan kepada wawasan negara dan usaha-usaha ke arah kecemerlangan, mempersiapkan rakyat supaya menunjangi dasar-dasar negara ke arah pembangunan demi kesejahteraan bangsa.

Di sinilah pentingnya ilmu pendidikan tanpa had yang kita tidak sedari yang mana dengan adanya kepelbagaiannya ilmu yang diperoleh akan menjadi tunjang dalam pendidikan negara untuk membangun minda rakyat kelas pertama.

Perkuuhkan kekuatan jati diri kita

Kekuatan jati diri sangat penting bagi sesebuah negara membangun. Perlu diingat jati diri tidak akan dapat dibentuk jika seseorang itu menolak untuk membuat perubahan. Pemikiran yang masih ditakuk lama perlu dibuang, rakyat perlu sama-sama berusaha membentuk jati diri yang boleh dibanggakan sebagai tanda kesetiaan kita kepada pemerintah negara. Pemerksaan bahasa, bangsa dan menjadikan agama Islam sebagai panduan hidup menyumbang kepada pembentukan jati diri dan identiti kebruneian.

Cabarannya seterusnya ialah memelihara kedaulatan negara kita daripada dicerobohi oleh anasir-anasir

"Pengertian kemerdekaan merangkumi aspek-aspek kebebasan dan pencapaian hidup harmoni. Inilah pengertian sejati kemerdekaan itu."

Kerana itu, kemerdekaan mesti dipelihara, ditanai dan dipertahankan demi kesucian ugama dan kedaulatan bangsa, negara dan raja. Ini semua memerlukan adanya perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan rakyat jelata, selaku tunjang ketahanan dan keutuhan negara".

Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.


Iluar. Dengan kemudahan Internet melalui Facebook, satelit dan media massa, keutuhan tanah air kita akan tergugat jika segala kemudahan tersebut disalahgunakan. Sistem pertahanan dan keamanan kita di perairan negara, ruang udara dan hal ehwal dalam negara akan ditembusi dan dicerobohi oleh anasir luar jika kita lalai.

Semangat patriotisme dan kecintaan yang tinggi kepada negara merupakan benteng bagi mempertahankan kemerdekaan dan menjamin keharmonian yang dinikmati kini dapat terus dikekalkan.

Kita seharusnya mempertaruhkan maruah kita dalam mengekalkan kemerdekaan yang amat bernilai dipertahankan. Di sini negara kita, di sini juga tanah air kita dan di sini juga maruah kita disemadikan. Negara Brunei Darussalam adalah simbol maruah kita

yakni jiwa kita. Semangat patriotisme harus berada dalam minda serta badan kita untuknya. Kita juga berperanan dalam menjaga kestabilan, keamanan, keharmonian negara kerana inilah negara kita.

Selamat
Menyambut Hari
Kebangsaan
Ke-41.



"Wawasan Brunei 2035"

Oleh sebab itulah kita telah merencanakan Wawasan Brunei yang munasabah sebagai warisan kewujudan bangsa. Wawasan telah mencarai hala tuju masa depan negara, memandu perancangan yang lebih bersistematis bagi menuju kepada sebuah negara dan mempunyai rakyat berpendidikan dan berkemahiran tinggi lagi berjaya, berkualiti dan mempunyai ekonomi yang dinamik lagi berdaya tahan.



"Belia"

'Belia dan Negara Berpisah Tiada'. Ungkapan ini dilihat sangat relevan dengan golongan belia yang merupakan peneraju negara. Golongan belia turut membuktikan bahawa mereka adalah agen perubahan masa depan dan mampu untuk merealisasikan 'Aspirasi Negara' menjelang tahun 2035.

... Walau begitu, adalah diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian 'Berakhlaq Mulia', dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan undang-undang.

Titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2009.



"Agama"

Memang dalam era digital masa ini, cabaran semakin besar, terutama dengan kehadiran media sosial yang kadang-kadang menyebarkan maklumat bercanggah dengan ajaran Islam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Oleh itu, kita perlu memperkuat sistem *immune* atau kekebalan diri dengan pendidikan ugama. Ini penting, supaya kita tidak terpengaruh oleh ideologi dan pemikiran yang tidak selari dengan dasar kerajaan beta.

Titah Perutusan Kebawah DYMM sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.



"Sosial"

Dalam memberi tumpuan kepada golongan muda, kebajikan dan pemedulian terhadap warga emas juga jangan diabaikan. Kerana mereka itu lebih-lebih lagi memerlukan sokongan dan pemedulian.

Titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-35, Tahun 2019.



"Kesihatan"

Beta mahu, program kesihatan mental secara saintifik dan kerohanian hendaklah diaktifkan melalui pendidikan, terutama pendidikan ugama dan dakwah secara berterusan. Inilah antara konsep hijrah, iaitu untuk mengubah atau membaiki perkara-perkara negatif kepada positif.

Titah Perutusan Kebawah DYMM sempena Tahun Baharu Hijrah 1446.



"Perkhidmatan Awam"

Di sini, beta ingin mengingatkan supaya setiap penjawat awam akan sentiasa memelihara dan menanai misi kerajaan. Walaupun kita sudah banyak mencapai kejayaan, namun kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki lagi keupayaan diri.

Dalam dunia yang semakin kompleks, warga penjawat awam perlu mencari peluang-peluang baharu, mencipta nilai tambah dan berfikir ligat untuk melihat perkhidmatan awam terus berada di hadapan.

“Hubungan Diplomatik”

Di arena antarabangsa pula, pada tahun ini adalah merupakan ulang tahun ke-40 penubuhan hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan 37 buah negara luar. Ini termasuk keahlian negara di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, khasnya ASEAN, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Komanwel, di mana dengan jalinan hubungan diplomatik itu telah mengharumkan nama serta sekali gus profil NBD di mata dunia.



Titah Kebawah DYMM sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-40 bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

“Pendidikan”

1 November 2023 telah menyaksikan satu transformasi dalam sistem pendidikan di mana mata pelajaran ugama telah diintegrasikan ke dalam Sistem Pendidikan Umum bagi pelajar-pelajar Tahun 2 hingga Tahun 5. Perubahan ini boleh menyumbang kepada penggunaan masa lebih optimum di samping memperluaskan lingkungan aktiviti pembelajaran, tidak hanya terbatas kepada persekitaran bilik darjah. Pendekatan sebegini boleh memperkaya pengalaman pelajar melalui konteks baharu dan sekali gus merangsang kebolehan mereka beradaptasi di dunia yang semakin kompleks dan mencabar. Tetapi ini tidak bermakna pendidikan ugama diabaikan menjadi ke bawah. Semua pihak berkenaan perlu memahami perkara ini.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-34 Tahun 2024.

“Teknologi”

Teknologi sekarang sudah menjadi sebahagian dari kehidupan terpenting kita untuk memperkaya pengalaman dan sebagai alat bantu atau enabler bagi digunakan dengan bijak, sambil tidak mengabaikan kerja keras dan kecekapan diri. Oleh itu, para pelajar disarankan supaya menetapkan dengan tegas dan jelas matlamat pembelajaran melalui usaha-usaha gigih dan murni.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam Yang Berada di United Kingdom dan Eire.

“Pertanian”

Pertanian, perlu diceburi oleh siapa saja. Ia tidaklah terbatas kepada mereka yang memiliki ratusan hektar tanah baru hendak bertanam, bahkan orang juga boleh bertanam di halaman-halaman rumah masing-masing atau di dalam pasu untuk menghasilkan, seperti pepohon sayur dan lada seumpamanya. Yang penting, kita ini tidak akan diam begitu saja dengan mensia-siakan peluang bertanam. Kita mestilah turut menyumbang untuk menghijaukan bumi. Bumi yang hijau adalah lambang rezeki.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2018 sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-72 Tahun.



“Ekonomi”

Menyentuh mengenai kepelbagaiannya ekonomi, beta sangat gembira atas perkembangan Sektor Bukan Minyak dan Gas yang sangat menggalakkan, yang meningkat sebanyak 5.3 peratus bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2023. Ini tentu saja hasil usaha bersepdua kerajaan beta dengan kerjasama sektor swasta dalam mempelbagaikan ekonomi negara. Usaha ini tidak boleh berhenti, malah diigatkan terus untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Titah Perutusan Kebawah DYMM sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2024.

Alhamdulillah, lebih enam dekad penubuhannya, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus berkembang dengan pesatnya. Beta bangga dan bersyukur atas perkembangan positif mengikut perancangan, khasnya perancangan bagi tahun 2023 dan 2024, antaranya berupa penstrukturkan Unit Jentera Tempur menjadi Rejimen Jurutera (Engineer Regiment) Tentera Darat Diraja Brunei, pentaulihan Kapal Tentera Laut Diraja Brunei KDB AS-SIDDIQ dan KDB AL-FARUQ dan pengenalan aset baharu iaitu; Unmanned Underwater Vehicle (UUV). Sementara itu, Tentera Udara Diraja Brunei pula telah menerima dua buah dari empat buah Pesawat Angkut C-295MW dan insyaaAllah, dalam masa terdekat juga akan menerima Pesawat Helikopter tempur baharu bagi menggantikan Pesawat Bolkow BO-105. Selain itu Markas Angkatan Bersama ABDB juga akan menaik taraf keupayaan sistem C41-STAR nya. Beta penuh yakin bahawa, dengan terus fokus dan komited, maka apa juar yang dirancang akan tercapai, dengan Kementerian Pertahanan dan ABDB berupaya menjadi tauladan terbaik kepada kerajaan beta dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan projek yang telus, jujur dan berkesan”.

“Pertahanan”

Titah Kebawah DYMM sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-63 Tahun.



Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

Bangkitkan patriotisme pelajar

SEMANGAT cintakan negara hendaklah dimiliki oleh setiap rakyat dan penduduk di negara ini. Dengan memiliki semangat sedemikian akan dapat menyuntik rasa untuk memajukan dan mempertahankan negara. Ke arah membangkitkan semangat cintakan negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan tidak kendur-kendur berusaha menyemai semangat patriotisme dalam kalangan penduduk di negara ini dengan mengadakan Sesi Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Apatah lagi ketika Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD), setiap sekolah di seluruh negara giat melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi menimbulkan semangat cintakan tanah air dalam kalangan pelajar-pelajar. Berikut kita ikuti beberapa aktiviti yang dikendalikan di beberapa buah sekolah kerajaan mahupun swasta.

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim



برساو منجافاي چيانكارا
Bersatu Mencapai Cita Negara

١٤٤٦ شعبان ٢٤ / 23 Februari 2025



Sekolah Rendah Semabat

Semasa meraikan Sambutan Hari Kebangsaan NBD, semua pelajar, guru dan kakitangan Sekolah Rendah Semabat memakai pakaian tradisi pada hari tersebut. yang mereka kasih yang dikendalikan bersama oleh guru-guru di sekolah lukisan Hari Kebangsaan. - Foto : Ihsan Sekolah Rendah Semabat.

Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang Tutong

Kemeriahansambutan Hari Kebangsaan dapat dirasakan di sekolah ini yang melibatkan lebih 350 orang termasuk pelajar daripada Pra hingga Tahun 6, guru-guru dan kakitangan sekolah. Bagi menanamkan semangat patriotisme, pihak sekolah mengadakan beberapa aktiviti seperti berjalan sekeliling sekolah sambil membawa bendera negara; aktiviti melukis, mewarna dan menjawab soalan-soalan mengenai Hari Kebangsaan NBD. Lagu-lagu patriotik juga dimainkan bagi memeriahkan lagi suasana menyambut Hari Kebangsaan NBD. - Foto : Ihsan Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang Tutong.



Sekolah Alif Rimba

Salah satu usaha yang dilaksanakan oleh Sekolah Alif Rimba untuk membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar khususnya semasa Sambutan Hari Kebangsaan adalah dengan mengadakan raya, membawa bendera negara dan simbol-simbol kebangsaan untuk memupuk rasa cinta terhadap negara. Aktiviti seni dan kraf tangan juga diadakan yang melibatkan pelajar dalam menghasilkan kraf tangan identiti negara. Aktiviti ini menggalakkan kreativiti sambil menanam rasa bangga terhadap warisan negara. Sementara dalam aktiviti memakai pakaian tradisional tujuh puak jati pula, para pelajar dan guru digalakkan memakai pakaian tradisional yang melambangkan tujuh puak jati Brunei, seperti puak Melayu, Kedayan, Murut, dan lain-lain, untuk memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap keunikan budaya tempatan. - Foto : Ihsan Sekolah Alif Rimba.

Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei

Usaha menyuntik semangat patriotisme juga dilaksanakan oleh Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei dengan mengadakan perkumpulan khas bagi Sambutan Hari Kebangsaan, diadakan di dewan sekolah berkeraan. Selain untuk memeriahkan dan menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan NBD, aktiviti ini juga mempunyai objektif untuk menyemai dan memupuk nilai patriotisme dalam kalangan pelajar. Acara dimulai dengan menaikkan bendera negara diiringi nyanyian lagu kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh semua warga sekolah dengan penuh bersemangat. Sambutan disusuli dengan bacaan Yaa Siin dan Doa Kesukuran sempena Hari Kebangsaan bagi memohon keberkatan kepada Allah agar NBD sentiasa selamat dan harmoni.

Bagi mengimbau sejarah hari kemerdekaan NBD, para pelajar menonton video laungan 'Allahuakbar' oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sebagai tanda hari kemerdekaan negara pada 1 Januari 1984. Pertandingan mewarna Logo Hari Kebangsaan bagi pelajar-pelajar juga diadakan. Sambutan dimeriahkan lagi dengan nyanyian lagu-lagu patriotik seperti 'Berkibarlah Bendera', 'Brunei Bumi Bertuah (Titah Merdeka)' dan 'Bendera Negara'. - Foto : Ihsan Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei.





Menelusuri pembangunan, kemajuan negara

SEPANJANG 41 tahun negara mencapai kemerdekaan, kemajuan daripada segi pembangunan sememangnya menjadi fokus utama sama ada pada kawasan bandar maupun luar bandar. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif, projek dan kemudahan yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Ini adalah untuk memberikan peluang yang sama kepada semua rakyat di negara ini untuk sama-sama menikmati kemudahan yang diberikan.

Daripada segi sistem pengangkutan, kepesatan pembangunan jalan raya kawasan luar bandar menuju ke bandar amat ketara. Jaringan jalan raya sentiasa diperluaskan bagi memudahkan urusan orang ramai, para peniaga dan yang penting adalah bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas. Jalan-jalan utama di kawasan pedalaman juga diberikan perhatian yang mana jalan berturap dan jambatan-jambatan konkrit turut dapat dinikmati oleh penduduk kawasan tersebut. Dengan perkembangan infrastruktur pengangkutan yang bertambah baik, mudahlah bagi penduduk luar bandar untuk mendapatkan akses kepada kemudahan yang lain seperti kesihatan, pendidikan dan ekonomi yang baik.

Adanya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang tersergam indah merentangi Sungai Brunei, telah banyak memberi kemudahan kepada sekalian rakyat dan penduduk dalam mempertingkatkan lagi kualiti kehidupan secara umumnya serta peluang dan kegiatan perekonomian.

Jika sebelumnya untuk ke Daerah Temburong perlu menaiki bot selama 45 minit atau memandu selama dua jam melalui negara jiran, jambatan ini telah

dapat memendekkan masa perjalanan kepada kurang dari 30 minit. Dengan adanya jambatan ini, Temburong telah berubah wajah dengan pembinaan beberapa infrastruktur baharu dan pengubahsuaian beberapa buah bangunan kompleks perniagaan bumiputera, pembisanan landskap dan pembinaan industri.

Begitu juga pembinaan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang dibina telah memendekkan waktu perjalanan ke persimpangan Kampung Tarap Bau dengan memakan masa lebih kurang lima minit sementara perjalanan menuju ke Kampung Lumapas memakan masa kira-kira 10 minit sahaja.

Terbinanya jambatan ini meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan, mencapai kemajuan yang mampan sekali gus mewujudkan peluang perniagaan terutamanya di kawasan bandar sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Menyentuh mengenai kemudahan perumahan, pembinaan kawasan-kawasan perumahan di kawasan luar bandar menjadikan sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi di sebuah tempat. Kawasan perumahan di luar bandar juga tidak ketinggalan diberikan kemudahan asas seperti bekalan air bersih dan elektrik dan yang penting ia adalah rumah yang selesa dan mampu milik untuk keluarga.

Daripada segi pendidikan, negara sememangnya memberi perhatian agar seluruh rakyat dan penduduk tidak tercicir untuk mendapat pendidikan yang sewajarnya. Sebagaimana sekolah-sekolah kawasan bandar yang diberikan kemudahan seperti bilik darjah dengan kelengkapan moden, teknologi pendidikan,

dan akses Internet, ini juga tidak ketinggalan dapat dinikmati oleh sekolah luar bandar.


Inisiatif kerajaan dalam menyediakan akses Internet berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar membuatkan para penduduk dapat mengakses maklumat pendidikan, kesihatan, dan perniagaan dalam talian. Sebagaimana yang kita ketahui, beberapa urusan kerajaan telah diperkenalkan secara dalam talian, membuatkan penduduk luar bandar dapat berurusan rasmi tanpa perlu pergi ke bandar.

Kawasan pedalaman mempunyai tanah yang subur dan kurang pencemaran turut dimanfaatkan bagi projek industri pertanian misalnya Kawasan Kemajuan Pertanian di Kampung Merangking. Antara syarikat

yang terlibat di sana ialah Syarikat Asia yang bergiat dalam kegiatan tanaman buah-buahan. Projek seumpama ini penting bagi memajukan ekonomi negara.

Kawasan luar bandar juga mempunyai potensi untuk kemajuan daripada segi pelancongan misalnya rumah panjang yang terletak di Daerah Temburong. Rumah panjang terkenal dengan kepentingan budaya dan warisannya yang kaya, menawarkan pelbagai aktiviti termasuk kraf tangan, lawatan rumah dan pameran kebudayaan.

Sememangnya kemajuan daripada segi infrastruktur sama ada di kawasan bandar maupun luar bandar sentiasa diberi perhatian dan dapat dinikmati sama oleh rakyat dan penduduk di kawasan tersebut.



Oleh : Norliah Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Semangat jiwa merdeka, perpaduan kekal berpanjangan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Ihsan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz Haji Hamdan, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Awang Haji Muhammad Suhaimi Haji Ibrahim, Pengiran Zamri Pengiran Haji Bujang

23 FEBRUARI yang disambut sebagai Bulan Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan adalah masa untuk rakyat dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam memaparkan semangat patriotik serta kasih sayang terhadap negara dan inilah

masa yang sesuai untuk seluruh rakyat menunjukkan semangat patriotisme dan cinta kepada negara dengan perasaan penuh bangga di samping boleh mempamerkan semangat patriotik mereka dengan menyumbangkan pandangan dan pendapat

dalam apa yang mereka rasakan baik dan sihat untuk negara. Menyatakan perasaan melalui saluran betul satu hak yang seharusnya diamalkan semua rakyat di negara ini yang patriotik, cintakan kepada negara dan inginkan yang terbaik untuk negara.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

"Kita selaku rakyat serta penduduk di Negara Brunei Darussalam yang sememangnya dikenali dengan kemakmuran dan kedamaianya juga ketaatan rakyat kepada raja tercinta memperlihatkan akan sikap patriotik rakyat kepada negara dan raja selain adanya komitmen yang tulen kepada kemajuan dan masa depan negara. Salah satu cara juga untuk kita memperlihatkan semangat patriotik kita ialah dengan memperuntukkan masa dan kemahiran untuk kebaikan masyarakat, seperti kerja-kerja sukarela untuk projek-projek kemasyarakatan dan pertubuhan-pertubuhan amal yang sejarah dengan nilai-nilai nasional".

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Ketua Kampung Sengkarai Tutong.

"Selaku rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) yang lahir pada tahun 1984, pastinya amat berbangga menjadi rakyat di negara yang makmur ini. Bagi saya dengan mengikuti apa jua aktiviti kesukarelawanan memberikan saya semangat patriotik di mana kesukarelawanan tersebut merangkumi pelbagai aktiviti antaranya apabila negara dilanda pandemik COVID-19 yang mana saya turut melibatkan diri secara sukarela dalam mengedarkan sungkup muka (*face mask*) kepada orang ramai. Dengan adanya aktiviti-aktiviti kesukarelawanan tersebut adalah masa untuk saya berkorban dan membantu yang memerlukan tanpa mengharapkan apa-apa imbalan daripadanya. Juga melibatkan diri saya dalam persembahan-persembahan semasa Sambutan Hari Kebangsaan dengan melibatkan diri dalam acara padang kerana inilah masanya untuk membuktikan yang kita taat dan cinta kepada negara. Selain itu, kita selaku rakyat dan penduduk di negara tercinta ini terutamanya dalam kalangan belia juga seharusnya menampilkan imej belia yang bersih dan sihat dengan tidak melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan diri sendiri dan mencemarkan nama negara kita, sebaliknya libatkanlah diri kita dengan apa jua acara keagamaan kerana inilah kita selaku rakyat di negara yang berpaksikan negara Melayu Islam Beraja memperlihatkan ketaatan kita kepada raja dan agama kita. Sempena dengan Hari Kebangsaan NBD yang Ke-41 tahun ini saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan dan semoga NBD kekal aman sentosa dan juga sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah naungan seorang raja yang adil dan bijaksana dan semoga negara *kitani* terus dikenali di mata dunia dengan keunikan adat resam serta budaya dan agama *kitani* tetap unggul, gagah di persada dunia".

Lim Han Chiong, Pendaftar Perkahwinan Orang-orang Cina.

"Apapun cabaran yang mendarat, kita seharusnya berbangga dan bersyukur hidup di bumi bertuah Negara Brunei Darussalam ini. Tidak sedikit keringat rakyat pelbagai bangsa dan keturunan mengerah kudrat untuk melihat negara ini dipacu dan dimajukan dengan harmoni. Sebagai rakyat, rasa kesetiaan, kecintaan dan bersyukur dengan apa yang dinikmati bukan suatu kerugian, sebaliknya manifestasi kepada wajah dan keperibadian kita terhadap negara. Semangat patriotisme, seharusnya dipupuk sejak tadika, sekolah berterusan ke peringkat universiti sehingga menjangkau usia warga emas. Walaupun apa bangsa dan keturunan sekalipun, kesetiaan kepada raja dan negara perlu di samping kita berpegang teguh kepada kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan. Kewujudan, sumbangan dan peranannya kita selaku rakyat harus dijawi seluruhnya. Apa yang penting, kita perlu ikhlas memperbetulkan kelemahan diri dan memperkuuh semangat kesetiaan kepada negara untuk menjadi masyarakat matang serta bertamadun".

Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim, Sekretari Jeneral, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC).

"Alhamdulillah selaku rakyat dan penduduk di negara ini merasa amat bertuah dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat merasakan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran hidup di bumi Darussalam yang tercinta.

Dengan harapan agar setiap lapisan masyarakat di negara ini akan sentiasa menanamkan semangat kebangsaan, ketaatan kepada raja dan menjunjung tinggi agama Islam dengan penuh iltizam dan bersatu padu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dengan berpandukan kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB)".

Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang, Presiden SMARTER Brunei.

"Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana *kitani* semua rakyat dan penduduk bersama-sama meraikan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang Ke-41 pada tahun ini.

Tema Hari Kebangsaan tahun ini, 'Bersatu Mencapai Cita Negara' jelas menekankan tentang tanggungjawab kita semua dalam membentuk generasi yang berilmu, berwawasan dan bercita-cita tinggi dalam memacu kejayaan negara yang dicintai ini.

Dalam arus kemajuan ini, rakyat yang berpendidikan merupakan salah satu elemen terpenting kerana dengan ilmu juga akan mampu membentuk keyakinan diri serta membolehkan *kitani* semua berdikari dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Harapan saya juga ingin melihat tanpa mengira latar belakang termasuk anak-anak kelainan upaya juga berjaya mencapai impian tinggi dan terus maju dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

Dalam pada itu, sebagai masyarakat, *kitani* harus merasa terbuka dan menerima keunikan golongan anak-anak kelainan upaya untuk terus berkembang dan sama-sama berperanan menyumbang pembangunan dan kemajuan negara.

Dengan tekad dan iltizam yang tinggi, saya percaya anak-anak *kitani* termasuk mereka yang berkelainan upaya akan mampu mencapai kejayaan besar dan menjadi sebahagian daripada barisan pemimpin, pendidik, ahli sukan, usahawan dan pelbagai profesi yang lain.

Marilah kita terus berusaha untuk membangunkan negara kita dengan semangat perpaduan dan kasih sayang serta demi masa depan NBD yang lebih gemilang.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan NBD Ke-41".





**Warga Jabatan Penerangan Mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41**



**Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Kali**

**Ke-
41
Tahun**

DBP SENGKURONG BERBAGI REZEKI, BARIGAKAN PERANAN PERPUSTAKAAN

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad



SENGKURONG, Khamis, 20 Februari. - Meskipun dunia sekarang semakin pesat membangun dengan pengaksesan maklumat dalam dunia internet namun peranan perpustakaan tetap relevan ke arah mendukung literasi yang meliputi lebih daripada sekadar kemampuan membaca dan menulis.

Justeru, inisiatif Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Sengkurong yang diadakan hari ini berjaya menerima pendaftaran hampir 100 ahli perpustakaan tersebut.

Pembantu Perpustakaan Tingkat I, Dayang Siti Tiara binti Haji Mohd. Daud ketika ditemu bual

Inisiatif melalui pengagihan paket makanan yang diadakan itu merupakan projek amal berbagi rezeki selain mendapatkan ganjaran pahala dan sekali gus menarik minat orang awam yang belum lagi menjadi ahli perpustakaan untuk kerap datang sebagai sumber ilmu dan memeriahkan lagi bermacam aktiviti atau program yang dikendalikan pada masa akan datang.

Projek kali ini telah menyediakan sebanyak 100 paket makanan untuk diagihkan berupa nasi campur, minuman, roti dan sebagainya. Pihak pengajur berharap, projek amal ini dapat memberi kesempatan kepada umat Islam untuk memperbanyak amalan kebajikan dan bersiap untuk menyambut bulan Ramadan dengan hati yang lebih bersih dan

antara lain menjelaskan bahawa projek itu diadakan sempena bulan Syaaban untuk mempersiapkan umat Islam menjelang bulan Ramadan, serta untuk memperbanyak amalan kebajikan dan kebaikan sebelum bulan yang penuh keberkatan ini.

"Projek amal ini tetap bertujuan untuk membantu golongan mereka yang memerlukan makanan. Dengan menggabungkan pengagihan makanan juga dapat mempromosikan perpustakaan dengan memberi peluang untuk menjadi ahli perpustakaan, meningkatkan jumlah statistik pengunjung," katanya.

Projek ini juga tambahnya, memberi peluang kepada penerima untuk mengakses pelbagai sumber pengetahuan, buku atau bahan pembelajaran dan ia juga bertujuan untuk meningkatkan literasi, pendidikan dan perkembangan diri mereka dalam jangka masa panjang. Selain itu, menggalakkan untuk rajin datang ke perpustakaan dan menanamkan sikap rajin membaca.

Projek kali ini telah menyediakan sebanyak 100 paket makanan untuk diagihkan berupa nasi campur, minuman, roti dan sebagainya. Pihak pengajur berharap, projek amal ini dapat memberi kesempatan kepada umat Islam untuk memperbanyak amalan kebajikan dan bersiap untuk menyambut bulan Ramadan dengan hati yang lebih bersih dan



INISIATIF melalui pengagihan paket makanan yang diadakan itu merupakan projek amal berbagi rezeki selain mendapatkan ganjaran pahala dan sekali gus menarik minat orang awam yang belum lagi menjadi ahli perpustakaan untuk kerap datang sebagai sumber ilmu dan memeriahkan lagi bermacam aktiviti atau program yang dikendalikan pada masa akan datang (atas dan kiri).

dapat meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan.

Seterusnya, pengajur berharap dapat membantu mereka yang kurang bernasib baik dan memastikan projek ini dapat memberi impak positif yang berterusan serta membantu mencipta masyarakat yang lebih prihatin, penyayang dan berbudi pekerti.

Setentunya inisiatif perpustakaan ini adalah untuk memperluaskan peranan perpustakaan dalam memberi manfaat kepada masyarakat, bukan hanya sebagai pusat pengetahuan tetapi juga sebagai pusat sokongan sosial.

Pelaksanaan dasar upah minimum bagi fasa kedua

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh dan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) dengan ini memaklumkan bahawa pelaksanaan dasar upah minimum bagi fasa kedua akan dilaratkan kepada sembilan sub-industri daripada enam industri bermula 1 April 2025.

Industri-industri yang terlibat adalah seperti berikut, iaitu Financial and Insurance Activities ialah Finance Services Activities and Insurance, Reinsurance and Pension Funding (except Compulsory Social Security) (*limited to financial services activities and principal insurance agencies licensed under Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) or Tabung Amanah Islam Brunei or Bank Usahawan*) dan other financial activities (*limited to financial activities licensed under BDCB or Tabung Amanah Islam Brunei or Bank Usahawan*).

Manakala Human Health and Social Work Activities, iaitu Human Health and Social Work Activities (*limited to Core Health Services and employing doctors and dentists registered under the Brunei Medical Board*).

Sementara Education, iaitu education (Private) (*limited to Private Higher Education Institutions registered under the Ministry of Education*).

Bagi Professional, Scientific and Technical Activities, iaitu Architecture and Engineering Activities & Related Technical Consultancy (*limited to Architecture or Engineering*

Consultancy companies employing Architectural, Professional Engineering or Draughting professionals authorized by BAPEQS); and Other Professional, Scientific and Technical Activities (*limited to Land or Quantity Surveyors Companies employing professional Land Quantity Surveyors authorized by BAPEQS*).

Administrative and Support Services Activities pula ialah Travel Agency, Tour Operator and Other Reservation Activities (*limited to Travel Agencies that are licensed under Tourism Development Department*); dan Security and Investigation Activities (*limited to security companies licensed under Royal Brunei Police Force*).

Manakala, Accommodation and Food Service Activities ialah Accommodation and Food Service Activities (*limited to Tourist Accommodation Premises that are registered under Tourism Development Department*).

Pihak syarikat adalah dikehendaki untuk menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis yang ditandatangani semula oleh majikan dan pekerja sama ada pekerja imigran atau tempatan dengan memasukkan kadar upah minimum yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, pekerja yang menerima gaji yang melebihi kadar upah minimum tidak diperlukan untuk menandatangani semula perjanjian berkenaan.

Adalah menjadi kesalahan jika didapati melanggar Perintah

Pekerjaan (Upah Minimum), 2025 seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bab 148, Akta Pekerjaan (Penggal 278), iaitu mana-mana majikan yang melakukan suatu kesalahan, jika sabit kesalahan boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi daripada BND3,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari

satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi sebarang pertanyaan, maklumat lanjut, atau aduan, orang ramai bolehlah berhubung melalui saluran berikut, iaitu Bahagian Pengukuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh di Talian Hotline +673 7298989, aduan melalui NLMS : nlms.gov.bn (tekan ikon 'Aduan

Pelanggaran Undang-undang Perburuhan') atau e-mel info.buruh@buruh.gov.bn atau laman sesawang www.labour.gov.bn.

Ataupun ke Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri melalui Talian Hotline +673 2444100 atau +673 7291785 atau laman sesawang www.mpec.gov.bn.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia.' Tarikh Tutup : 26 Februari 2025
- 2.'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi.' Tarikh Tutup : 5 Mac 2025
- 3.'Bersatu Mencapai Cita Negara.' Tarikh Tutup : 12 Mac 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

RB MULAKAN PENERBANGAN SULUNG KE BALIKPAPAN



Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) melancarkan semula penerbangannya ke Balikpapan, Indonesia, hari ini.

Penerbangan sulung itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada jam 7.00 malam.

Antara yang menyertai penerbangan berkenaan ialah Lembaga Pengarah RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid.

Untuk memberkati penerbangan pertamanya, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Haji

Mohammad Ashraf bin Haji Bujang.

Para tetamu yang mengikuti penerbangan tersebut turut menerima barang eksklusif RB sempena pelancaran semula laluan utama ini, yang menghubungkan Brunei dengan Balikpapan di Kalimantan Timur dan berfungsi sebagai pintu masuk ke ibu negara masa depan Indonesia, Nusantara.

Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin melahirkan rasa teruja, dengan wujudnya semula laluan penerbangan antara Brunei dan Balikpapan.

"Kami teruja untuk menghubungkan semula rangkaian penting ini, yang mewakili lebih

daripada sekadar perkhidmatan udara; ia bertindak sebagai jambatan antara dua komuniti. Perkhidmatan ini menunjukkan komitmen RB untuk menghubungkan rakyat, budaya dan peluang sambil menyokong pembangunan hab ekonomi dan pelancongan utama di rantau ini. Memandangkan Kalimantan Timur muncul sebagai pusat tumpuan pertumbuhan dan inovasi Indonesia, khususnya dengan pembangunan ibu kota baharu, Bandaraya Nusantara, kami berbesar hati untuk menyumbang kepada kemajuan ini dengan memudahkan perjalanan yang lancar untuk perniagaan dan percutian," jelasnya.

Laluan Brunei-Balikpapan merupakan tambahan yang penting secara strategik, kepada rangkaian RB. Ia meningkatkan kehadiran syarikat penerbangan itu dalam rantau ASEAN dan BIMP-EAGA dan sejajar dengan misinya untuk memupuk integrasi ekonomi dan budaya dengan kawasan jiran.

Dengan menghubungkan Brunei dan Balikpapan, RB terus memainkan peranan penting dalam menyokong perjalanan serantau dan mengukuhkan hubungan antara masyarakat.

Tambahan pula, laluan ini memberikan peluang besar untuk perniagaan dan pelancongan, memudahkan akses yang lebih mudah ke salah satu hab perindustrian dan ekonomi utama



ANTARA yang menyertai penerbangan berkenaan ialah Lembaga Pengarah RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abd. Hamid (kiri, atas kanan dan bawah kiri).

Indonesia sambil mempromosikan Brunei sebagai pintu masuk untuk hubungan serantau.

Dengan pelancaran semula itu, Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan kedatangan penumpang daripada penerbangan sulung terus RB dari Balikpapan, Indonesia ke Bandar Seri Begawan dengan sambutan budaya yang meriah, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Acara ini menandakan satu kejayaan baharu dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara Brunei dan Indonesia, memperkenalkan potensi yang semakin meningkat untuk perjalanan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Hadir pada Majlis Resepsi itu ialah perwakilan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan dan RB bersama-sama ahli media.

Indonesia secara konsisten menjadi salah satu daripada 10 pasaran sumber teratas Negara Brunei Darussalam untuk ketibaan pelancongan melalui udara.

Sehingga Disember 2024, Brunei telah pun mengalu-alukan 25,974 pelancong dari Indonesia, peningkatan ketara yang mele过i 13,672 yang dicatatkan bagi 2023.

Peningkatan ketara ini menyerlahkan daya tarikan Brunei kepada pengembara Indonesia, yang tertarik dengan pengalaman Islam yang kaya, warisan asli dan tawaran masakan yang pelbagai.

Pemangku Pengarah Kemajuan

Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh menekankan kepentingan hubungan yang semakin meningkat ini, dengan menyatakan :

"Memperkuuh hubungan bukan sahaja meningkatkan peluang perjalanan tetapi juga memperdalam pertukaran budaya dan perniagaan. Dengan bekerjasama, kami boleh mencipta pengalaman perjalanan yang lancar, membuka pintu kepada lebih ramai pelawat untuk meneroka tawaran unik kedua-dua negara, Brunei dan Indonesia".

Pelancaran penerbangan terus dari Balikpapan dijangka mengukuhkan lagi aliran menaik ini, menyediakan pilihan perjalanan yang lebih mudah dan menggalakkan lebih ramai pengunjung dari Indonesia pada tahun-tahun akan datang.

Laluan Brunei-Balikpapan beroperasi dua kali seminggu, pada Rabu dan Sabtu, menggunakan Airbus A320neo RB. Penumpang di laluan ini juga boleh berhubung dengan mudah ke rangkaian global RB yang luas.

RB menyampaikan penghargaannya kepada semua rakan kongsi dan pihak berkepentingan, dengan sokongan mereka membolehkan pelancaran semula penerbangan ini.

Tiket penerbangan ke Balikpapan boleh dibeli melalui laman sesawang RB, aplikasi mudah alih atau ejen pelancongan yang dibenarkan. Untuk maklumat lanjut, kunjungi www.flyRB.com.



Cuaca diramal aktif sehingga 22 Februari

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Februari 2025. - Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada dalam Monsun Timur Laut, yang mana juga dikenali sebagai Musim Tengkujuh.

Negara pada lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali-sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula pada 19 Februari 2025 sehingga Sabtu, 22

Februari 2025.

Hujan kadangkala lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala, menjadikan kawasan pedalaman pada waktu petang dan berpotensi merebak ke kawasan pesisiran dan perairan pada waktu malam dan awal pagi. Kelajuan angin sehingga 50 kmsj semasa atau dekat hujan.

Keadaan laut pada amnya berombak diparas sedikit, antara 0.5 hingga 1.0 meter.

Orang ramai adalah

dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang. Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut

dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui

aplikasi mudah alih di telefon bimbit iaitu Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram Brunei Weather.

Bersatu Mencapai Cita Negara



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Setiap negara di dunia ini pasti mengharapkan kemakmuran, kesejahteraan, kemajuan dan pembangunan yang berdaya tahan. Begitu juga dengan negara kita yang sentiasa bercita-cita dan mempunyai aspirasi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Negara Zikir yang mencakupi nilai-nilai seperti keadilan, kemakmuran, kesejahteraan, pembangunan berdaya tahan serta kekal dalam berkat dan lindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan juga berwawasan luas, jauh ke hadapan berlatar belakangkan nilai dan akal budi orang Brunei.

Kita juga mempertahankan pemerintahan beraja sebagaimana asas bernegara. Menghayati dan menyertai proses pembangunan di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Maka untuk mencapai hasrat dan cita-cita tersebut, kita hendaklah sentiasa bersatu padu menghadapi pelbagai cabaran. Orang Brunei sememangnya sudah sebat dengan amalan bersatu padu ini. Pencapaian dan perkembangan selama bertahun-tahun sebelumnya, menciptakan landasan untuk harapan dan komitmen masa hadapan. Nilai dan amalan orang Brunei yang diwarisi ini insyaAllah akan menjamin kelangsungan hidup beraja, bernegara dan bermasyarakat menuju *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur* (negara yang aman makmur dan Tuhan Maha Pengampun) sebagaimana yang dihasratkan dan diimpikan seperti yang termaktub dalam Surah Saba', ayat 15 :

Tafsirnya : "(Negeri kamu ini ialah) negeri yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun."

Dalam bernegara, konsep bersatu padu itu sangat penting, iaitu kesepadan di antara pemimpin, masyarakat dan rakyat. Kebersihan sebagai kekuatan utama dalam menghadapi cabaran dan mencapai matlamat.

Untuk mencapai tujuan dan cita-cita negara, perlulah ada tindakan, usaha aktif dan berterusan, mempunyai komitmen untuk bergerak maju dan mengatasi rintangan dalam menuju pembangunan, menggunakan ilmu dan kapakaran serta sentiasa berusaha memperbaiki kaedah dan cara bertindak serta memanfaatkan kemajuan ilmu dan teknologi.

Alhamdulillah, negara kita lahir dalam

menempa kemerdekaan telah diiringi dengan laungan takbir memuji kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah dan rahmat-Nya serta memohon keberkatan dan petunjuk dalam menerajui pentadbiran negara. Apa yang kita harapkan semoga negara kita terus mampu bersaing dengan negara lain dalam aspek kemajuan dan pembangunan, mampu menghadapi cabaran arus globalisasi yang semakin mencabar dengan mempertingkatkan lagi nilai-nilai ajaran Islam dalam kehidupan dan pentadbiran serta mengekalkan keharmonian yang sedang kita semua kecapaikan sekarang ini.

Lahirnya kemerdekaan negara kita dengan zikir melambangkan sebuah negara yang berimejkan negara yang menjulang Islam. Zikir yang berunsur puji-pujian dan rasa ketakwaan dalam mengingati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, maka nikmat kerahmatan serta keberkatanlah yang akan mengiringi dan melindungi negara yang kita cintai ini. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 :

Tafsirnya : "Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan maksiat)."

Kita juga bersyukur bahawa keamanan dan kesentosaan yang kita nikmati selama ini adalah berkat kepimpinan raja yang sentiasa memayungi negara dengan menitikberatkan ajaran-ajaran Islam dalam memastikan setiap tadbir urus dan pengurusan negara, pembangunan umat dan perasaan adalah berpandukan ajaran Islam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 208 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu semua ke dalam negara Islam secara keseluruhan (dengan mematuhi segala hukum-hukumnya) dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu ialah musuh yang nyata."

Sesungguhnya keamanan hidup dan keamanan bernegara itu akan lebih berkesan apabila rakyat dan penduduk di sesebuah negara itu sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, bagi menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat kemerdekaan negara kita yang tercinta ini, bersemepena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-41 Tahun ini, marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara iaitu pada petang esok, hari Sabtu, 23 Syaaban 1446 Hijrah bersamaan 22 Februari 2025 Masihi bagi sama-sama menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran.

Mudah-mudahan dengan doa yang kita pohonkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dengan malaikat-malaikat-Nya pula (berdoa memohonkan ampun bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu daripada kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman." (Surah Al-Ahzab, ayat 41-43)

ACMF memastikan memacu pasaran modal ASEAN

■ Siaran Akbar : ASEAN Capital Markets Forum

PULAU PINANG, MALAYSIA, Rabu, 19 Februari. - Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) telah menganjurkan Mesyuarat Pengurus Ke-42 yang dihoskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), di Pulau Pinang, Malaysia.

Mesyuarat telah mengesahkan Teras Strategik dan satu set Prinsip Utama untuk Pelan Tindakan ACMF 2026-2030 (AP2026) akan datang AP2026, yang disasarkan untuk dikeluarkan pada Oktober 2025, akan menjadi pelan hala tuju lima tahun baharu yang bertujuan untuk membangunkan lagi pasaran modal ASEAN, berikutnya berakhirnya Pelan Tindakan ACMF 2021-2025 (AP2021).

AP2026 baharu akan membina kejayaan AP2021 dan akan dibangunkan dengan kerjasama negara anggota, mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan, serta memanfaatkan sumber perkara. Ini akan memastikan bahawa Pelan Tindakan adalah komprehensif dan seiring dengan aliran pasaran modal.

Pengerusi ACMF juga mengalau-alukan kerjasama bantuan teknikal baharu dengan Institut Penyelidikan Ekonomi untuk ASEAN dan Asia Timur (ERIA) untuk membangunkan Pelan Hala Tuju Ekosistem

Pasaran Karbon.

Selain itu, ACMF juga sedang meneroka kerjasama bantuan teknikal untuk membangunkan Rangka Kerja Mitigasi, Adaptasi, Ketahanan dan Kewangan Mampan (MARS) untuk meningkatkan langkah kewangan penyesuaian iklim di rantau ini.

Mesyuarat juga mengambil maklum kemas kini berhubung dengan inisiatif di bawah Rangka Kerja Skim Pelaburan Kolektif ASEAN (CIS), khususnya mengenai (a) Pengharmonian Piawaian Pendedahan dan (b) Semakan MoU dan Piawaian CIS Kelayakan.

Dari segi pembinaan kapasiti, ACMF mengalau-alukan kemas kini mengenai acara Tadbir Urus, Pengawasan dan Kelestarian yang telah diadakan pada 3 Disember 2024 di Hanoi, Viet Nam, serta peminjaman baharu di bawah Program Pengawal Selia Muda ASEAN (AYR) kepada MAS dan aktiviti pembinaan kapasiti dalam yang diadakan oleh Program Pembangunan Pasaran ACMF di Phnom Penh, Kemboja.

Di samping itu, ACMF juga mengambil maklum semakan kepada garis masa Penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN (ACGS) 2024.

Mesyuarat itu juga mengambil maklum mengenai perkembangan

yang menjanjikan mengenai usaha dalam memperkasa kemampunan dan terus melibatkan diri dan bekerjasama dengan Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa (ISSB) Yayasan IFRS.

Sebagai sebahagian daripada usaha tersebut, mesyuarat tersebut merupakan pihak kepada pembentangan daripada Institute of Chartered Accountants of England and Wales (ICAEW), dan mengadakan dialog peringkat tinggi dengan ISSB di bawah Dialog Yayasan ACMF-IFRS mengenai Piawaian Pendedahan Kemampunan IFRS (AID) protokol.

Kemas kini lain mengenai latihan dan inisiatif teknikal yang dirancang bertujuan untuk meluaskan pemahaman tentang cara mengukur dan mendedahkan pelepasan gas rumah hijau (GHG), serta pelaksanaan keperluan pendedahan dalam Piawaian ISSB juga telah diluluskan.

Di samping itu, mesyuarat mengambil maklum kemajuan yang dicapai pada ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance, Versi 3 yang berkut kuasa pada 20 Disember 2024.

Mesyuarat itu juga mendengar perkembangan terkini mengenai Konsortium Transformasi Hijau Asia (Asia GX Consortium), perkongsian dengan Agensi Perkhidmatan Kewangan (FSA)

Jepun, Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Pembangunan Pasaran Modal (WC-CMD), Bank Pembangunan Asia (ADB) dan pelbagai peserta industri swasta.

ACMF juga menyatakan perkongsian maklumat berterusan dalam kalangan ahli mengenai pembangunan, dasar dan rangka kerja kawal selia untuk aset digital, dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) Thailand dan SC berkongsi pengalaman mereka

mengenai pelesenan dan penyeliaan aset digital.

ACMF juga mengucapkan terima kasih kepada ADB, Sustainable Finance Institute Asia (SFIA) dan ERIA atas sokongan dan menyediakan bantuan teknikal, kepakaran, sumber dan rangkaianya, untuk membolehkan ACMF terus membuat kemajuan ketara ke arah pasaran modal mampan ASEAN dan inisiatif lain.





Bersatu Mencapai Cita Negara

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 22 Sya'ban 1446H/21 Februari 2025M

Bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun ini, marilah kita beramai-ramai hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara iaitu pada;

 Hari Sabtu,
23 Sya'ban 1446H
bersamaan dengan
22 Februari 2025M

Bagi sama-sama menuaikan sembahyang fardhu Maghrib berjemaah, membaca Surah Yaasin dan doa kesyukuran

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

جبلان حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bersatu Padu:

Kesepadan di antara pemimpin, masyarakat dan rakyat



Untuk
mencapai
tujuan dan cita-
cita negara,
perlulah ada:

- 📌 Tindakan, usaha aktif dan berterusan
- 📌 Komitmen untuk bergerak maju dan mengatasi rintangan dalam menuju pembangunan
- 📌 Menggunakan ilmu dan kepakaran
- 📌 Sentiasa berusaha memperbaiki kaedah dan cara bertindak
- 📌 Memanfaatkan kemajuan ilmu dan teknologi
- 📌 Sentiasa mengingati Allah SWT





suruhanjaya perkhidmatan awam

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

Lengkappkan Profil PSCR 2.0 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Lengkappkan Kelulusan [\(Reputasi / pengalaman serta sumber / biling kelulusan\)](#)

Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap [\(Sifat, transaksi dan pengiktirafan Majlis Kelangsungan Persekutuan Kebangsaan \(MOK\) yang berkenaan\)](#)

Tanaiakan [" pada kotak semasa "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Penggantian Kerja-Kerajaan"](#)

Lengkappkan Maklumat [\(Barisan / perperikasan / Peperikasan Perkhidmatan Awam / Setiausaha Setia / kelebihan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan\)](#)

[+673 7371961](#)

[query@spa.gov.bn](#)

Seluruh Waktu
Kurangcara Perkhidmatan Awam

PSCBN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN		URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEGAWAI IMIGRESEN KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN 2025/JAN/04/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	04	38(B)	26 FEBRUARI 2025
2.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2025/FEB/01/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	38(A)	26 FEBRUARI 2025
3.	PEMBANTU TEKNIK D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/FEB/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	14	7(A)	26 FEBRUARI 2025
4.	TUKANG PELAN KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK 2025/FEB/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	26 FEBRUARI 2025
5.	PEMBANTU TEKNIK KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/JAN/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	06	7(A)	26 FEBRUARI 2025
6.	JURUTERA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET 2025/FEB/02/KPDK	JABATAN PENDIDIKAN	01	7(A)	26 FEBRUARI 2025
7.	PEGAWAI PENTADBIR PELATIH B.2 (BAHAGIAN II) JABATAN PERKHIDMATAN AWAM 2025/JAN/06/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	04	7(A)	26 FEBRUARI 2025
8.	PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II (PHARMACY) M.15 EB.16 (BAHAGIAN II) JABATAN PERKHIDMATAN FARMAZI 2025/FEB/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	38(B) LUAR BIDANG	26 FEBRUARI 2025
9.	PENGATUR REKA LETAK D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2025/JAN/03/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	01 MAC 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLAKUKAN DIBAWAH PERATURAN (TA) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SGALAN SGALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.7 / 2025

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House) Bagi Kursus 'Transformasi Minda : Meningkatkan Motivasi dan Produktiviti'

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu, 8 Mac 2025.
Jam 12.00 Tengah Hari.



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.5 / 2025

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House) Bagi Kursus 'Effective Customer Service'

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.6 / 2025

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalaman (In-House)
Bagi Kursus 'First Aid'

sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Desa iaitu www.mod.gov.bn/tcp dan seterusnya masuk ke QUOTATION melalui Quick Links)

Jika pembekal mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenainya bolehlah berhubung terus melalui emel kepada info@tcp.gov.bn.

Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat mengikut bilangan tawaran yang disertai. Sampul surat berkenaan hendaklah tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat dan bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan tawaran dan tajuk kerja-kerja yang disertai.



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran dan Tempat
Mengambil Dokumen Tawaran :
Rabu, 19 Februari 2025

Dokumen tawaran boleh diperolehi di :

Tingkat 3,
Bahagian Perancangan Pembangunan,
Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa,
Kementerian Pembangunan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Khamis, 20 Mac 2025

Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran :

Selasa,
25 Mac 2025,
sebelum jam 2.00 Petang

(Pejabat
Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam)

Bilangan Tawaran :

05 / 2024 / 2025

1. Consultancy Service for Preparation of Land Availability Studies
2. Consultancy Service for Preparation of National Land Use Master Plan

Harga Yuran Tawaran :

BND500.00
(Tidak dikembalikan)
atau
BND5.00
(Bagi Yuran e-dokumen)
(Tidak dikembalikan)

(Pembayaran yuran tawaran adalah secara online melalui One Common Billing System (OCBS) dengan melayari laman



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Tajuk Sebut Harga :
Pembekalan dan Penghantaran Masking Tape Berlogo JKED Bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Rujukan Sebut Harga :
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q / 2024-37

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 11 Mac 2025
Jam 12.00 Tengah Hari



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SPA, BSB / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Arab Temburong Dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammed Bolkiyah.

Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Persediaan Arab,

Bandar Seri Begawan (Bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit)

Bilangan Sebut Harga :

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SPA, BSB / 2024-2025

Perkhidmatan Pengurusan dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan (Bangunan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit)

Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajaran Islam,



Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1446H - 1447H / 2024M - 2025M

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
11 Ramadan 1446H / 12 Mac 2025M.
Jam 12.00 Tengah Hari.


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 46

Tajuk Tawaran:
To Design, Supply
And
Install Vinyl Graphic Stickers
In Lifts Of
Ministry Of
Primary Resources And
Tourism Building

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 50

Tajuk Tawaran:
To Design, Construct
And Install An Informative
Space At Ground Floor Office,
Ministry Of Primary Resources
And Tourism

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 Mac 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2024 - 2025 / 49

Tajuk Tawaran :
One Year General
Cleaning
For Tourism Development
Department Office

Bayaran
Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Khamis,
13 Mac 2025
Jam 12.00 Petang.


**JABATAN DAERAH
TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai
Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)

Daerah Temburong

Kampung Belingos,
Mukim Bangar Kampung
Selapon, Mukim Batu Apoi
Kampung Selangan,
Parit dan Biang Menengah,
Mukim Amo

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang
pencalonan boleh **didapati** dan
dikembalikan ke alamat seperti
berikut:-

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu, 28 Ramadhan 1446
bersamaan 29 Mac 2025,
Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
+673 5221266 / 265 sambungan
116 / 118 / 119 atau
+673 5221110.

Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua-Ketua
Kampung, Daerah Temburong

1.Ketua Kampung Belingos,
Mukim Bangar

- Kampung Belingos
- Pekan Bangar
- Kampung Subok
- Kampung Bang Bulan
- Kampung Lagau
- Kampung Piungan

2.Ketua Kampung Selapon,
Mukim Batu Apoi

- Kampung Selapon
- Kampung Lamaling
- Kampung Sekurop
- Kampung Rebada
- Kampung Simbatan

3.Ketua Kampung Selangan,
Parit Dan Biang Menengah,
Mukim Amo

- Kampung Selangan
- Kampung Parit
- Kampung Sibulu
- Kampung Biang Menengah
- Kampung Belaban

dalam talian, pemohon
akan diberikan Application
Reference No. (ARN) dan
pemohon dikehendaki
untuk menghantar e-mel
ARN tersebut ke
recruitment@unissa.edu.bn.

Jika ada sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi
hotline Pejabat Sumber
Tenaga Manusia
UNISSA +673 8687055
semasa waktu pejabat
atau e-mel kepada
recruitment@unissa.edu.bn

Tarikh
Buka Permohonan:
Rabu,
12 Februari 2025.

Tarikh
Tutup Permohonan:
Rabu,
26 Februari 2025.

Rujukan Iklan:
UNISSA / IJK / KW / 1 / 2025


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / TL / 004
[JPPK / LTK / 13 / 2024]
Proposed For Upgrading
Power Supply To Jalan Bunga
Mawar and Jalan Pahlawan,
Royal Brunei Naval Base Muara

Kelas:
III dan ke atas Sahaja

Kategori:
E01, E02 dan P05

Tempoh Penyiapan Kerja:
Empat (04) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 4 Mac 2025**.

Waktu Tutup Tawaran Semasa
Bulan Ramadan :
12.00 Tengah Hari,
11 Mac 2025.
(Selasa)



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / BOL / 003
[JPPK / LTN / 08 / 2023]
Installation Of Ceiling At
Store Sub Depot (SSD)
Of Logistic Depot,
Bolkiah Garrison

Kelas:
IV dan ke atas Sahaja

Kategori:
KA01, B01 dan E01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Selasa, 4 Mac 2025**.

Waktu Tutup Tawaran Semasa
Bulan Ramadan :
12.00 Tengah Hari,
11 Mac 2025.
(Selasa)


**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

Calon-calon yang
terdiri daripada Rakyat
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam yang
memenuhi syarat-syarat
kelayakan seperti
di bawah adalah dipelawa untuk
memohon jawatan berikut :

Jawatan:
Kerani Kewangan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Bahagian:
IV

Tangga Gaji :
D.1-2-3 EB.4-5
(BND530.00 - BND1,625.00 EB
Khas BND1,665.00 -
BND1,825.00 Sebulan)

Tatacara Permohonan :
Borang permohonan – Form P1
(Borang P1) bolehlah,
didapati dan diisi melalui
dalam talian di laman sesawang:
[https://unissa.edu.bn/
application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/](https://unissa.edu.bn/application/form-p1-borang-p1-non-academic-post-local/).
Setelah lengkap mengisi
borang permohonan melalui

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

NBD KETENGAHKAN PENYELESAIAN INOVATIF KELESTARIAN LAUTAN DI ABIC



PENYERTAAN Negara Brunei Darussalam dalam ABIC menonjolkan kemajuannya dalam akuakultur mampan, pemuliharaan marin dan pemuliharaan alam sekitar. Projek-projek berkenaan mencerminkan komitmen negara untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar (atas dan kiri).

Siaran Akbar dan Foto : Poni Marine Brunei

JAKARTA, INDONESIA, Rabu, 19 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi tumpuan pada Ekspo The ASEAN Blue Innovation Challenge (ABIC) di Jakarta, dengan pembentangan daripada empat pasukan perintis yang mengetahahkan penyelesaian inovatif dalam akuakultur, pemuliharaan marin dan kelestarian alam sekitar.

Mewakili kepakaran NBD yang semakin berkembang dalam pembangunan mampan dan penyelesaian yang dipacu teknologi, pasukan dari Poni Marine, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Green Brunei dan Fatih Aquaculture memperkenalkan usaha mereka untuk menangani cabaran alam sekitar yang semakin mendesak.

ABIC adalah inisiatif serantau

yang dianjurkan oleh United Nations Development Programme (UNDP), ASEAN dan rakan kongsi antarabangsa untuk menyokong penyelesaian inovatif bagi kelestarian laut.

ABIC menyediakan pembiayaan, bimbingan dan platform untuk syarikat pemula dan penyelidik dalam menangani pencemaran marin, penangkapan ikan berlebihan dan kemasuhan habitat marin.

Poni Marine memperkenalkan Rumah Fish, sebuah inisiatif terumbu tiruan yang direka untuk meningkatkan habitat marin, menyokong perikanan mampan dan meneroka kredit karbon biru dan biodiversiti. Dengan menggunakan struktur terumbu yang inovatif, Rumah Fish menyediakan tempat perlindungan

dan kawasan pembiakan hidupan marin, meningkatkan populasi ikan dan membantu nelayan tempatan.

Projek berkenaan menyepadukan penyelidikan dan pemantauan saintifik untuk mengoptimumkan impak ekologi dan memastikan kejayaan jangka panjang.

UTB telah membangunkan Aquatic Aquafeeder (AAF), satu sistem pemberian pemakanan bertenaga solar dipacu kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI) untuk akuakultur udang. Dengan mengawal pemberian makanan secara tepat berdasarkan saiz dan berat udang, AAF meminimumkan pembaziran, meningkatkan kualiti air dan meningkatkan kadar kelangsungan hidup.

Dengan sokongan ABIC, UTB telah menyiapkan prototaip dan sedang melatih petani tempatan dalam penggunaannya untuk

meningkatkan kecekapan akuakultur.

Green Brunei, sebuah perusahaan sosial yang berdedikasi untuk kelestarian alam sekitar, sedang memperkenalkan Projek Pemulihan Paya Gambut, bertujuan untuk menanam semula Hutan Simpan Anduki selepas kerosakan akibat kebakaran hutan.

Dengan sokongan daripada agensi kerajaan, inisiatif berkenaan telah menanam 500 Pokok Kapur Paya dan melibatkan lebih 300 pelajar daripada 11 buah sekolah dalam pendidikan alam sekitar.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja memulihkan ekosistem paya gambut yang kritikal tetapi juga memupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat.

Fatih Aquaculture, yang diterajui oleh usahawan Awang Ahmad Fathi bin Dr. Haji Norafan, sedang

menangani kekurangan benih ikan di NBD dengan inkubator berasaskan laut terapung pertama negara.

Dikuasakan oleh tenaga suria, inkubator berkenaan membekalkan benih ikan berkualiti tinggi untuk mengurangkan pergantungan kepada import dan menggalakkan perternakan mampan. Fatih Aquaculture bertujuan untuk mengembangkan kepakarannya dengan menyediakan latihan dan sokongan kepada penternak ikan, mengukuhkan lagi industri akuakultur NBD.

Penyertaan NBD dalam ABIC menonjolkan kemajuannya dalam akuakultur mampan, pemuliharaan marin dan pemuliharaan alam sekitar. Projek-projek berkenaan mencerminkan komitmen negara untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar.



TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Jabatan Penerangan.

Taklimat Kenegaraan pupuk semangat patriotik

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Khamis, 20 Februari. - Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong menjadi tumpuan Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan

Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik.

Taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna dihadiri oleh Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, Awang Hussin bin Haji Ismail dan para tenaga pengajar serta 143 pelajar sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin, selaku Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Jabatan Penerangan yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara iaitu hendaklah memastikan bendera negara dalam keadaan sempurna dan bersih, tidak koyak dan pudar warnanya dan serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga diharatkkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



TAKLIMAT Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Dewan Serbaguna dihadiri oleh Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar, Awang Hussin bin Haji Ismail dan para tenaga pengajar serta 143 pelajar sekolah berkenaan.

OPERASI SEPADU : MEMPERKUKUH SEMANGAT KERJA BERPASUKAN AGENSI PENGUAT KUASA



PASUKAN Polis Diraja Brunei baru-baru ini menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang (atas, atas kanan dan bawah kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Februari. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang melibatkan pegawai dan anggota seramai 238 orang dari Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei Muara PPDB, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (HTU), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Keselamatan Dalam

Negeri (JKDN), Jabatan Buruh, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSSB), Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).

Operasi berkenaan diketuai oleh Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara Bahagian Operasi (A/OCPD OPS) DSP Pengiran Haji Khairul Hakimin bin Pengiran Haji Kamaludin; Pegawai Penyiasat Jenayah Daerah Polis Brunei Muara, (DSP) Awang Mohammad Amerol bin Haji Metussin serta pegawai-pegawai

dan anggota-anggota agensi yang terlibat dalam operasi berkenaan.

Sasaran operasi tertumpu di gedung-gedung perniagaan di BSB secara serentak dijalankan di kawasan Jalan McArthur, Jalan Sultan dan Jalan Roberts.

Sekatan jalan raya juga dijalankan di dua lokasi di sekeliling BSB. Berikut adalah hasil daripada operasi berkenaan, iaitu PPDB -176 buah kenderaan diperiksa dan sembilan kompaun dikeluarkan; JKED - dua orang ditahan atas kesalahan memiliki minuman keras dan rokok di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais 2006; BKN - tiga lelaki ditahan atas kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah; JPE - dua buah premis telah didapati melakukan kesalahan; Jabatan Buruh - 53 pekerja daripada 19 syarikat telah diambil keterangan dan mendapati kesalahan-kesalahan majikan di bawah Perintah Pekerjaan 2009; JIPK - pemeriksaan dijalankan ke atas 46 warga asing dan tidak mendapati kesalahan; ABCi - mendapati dua premis memerlukan pemeriksaan dan penelitian semula ke atas struktur bangunan; dan HTU - 23 pekerja warga asing ditemui bual, mendapati tidak ada unsur-unsur atau indikasi jenayah pemerdagangan orang semasa operasi berkenaan dijalankan.

Objektif Operasi Sepadu berkenaan adalah sebagai tindakan proaktif untuk memperkuuh semangat kerja berpasukan, khususnya dalam mencegah pelanggaran peraturan dan undang-undang di negara ini.



Selain itu, operasi berkenaan bertujuan membendung sebarang kegiatan jenayah sebelum berlangsungnya Majlis Doa Darussalam Ke-41 pada 23 Februari 2025 ini.

Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41 pada 23 Februari 2025 ini.



Tip

Pendidikan



5 tip mudah bantu anak menulis tulisan cantik

• **Sediakan tempat selesa untuk anak-anak berlatih menulis.** - Pastikan mereka boleh berlatih menulis di atas kerusi dan meja yang stabil serta sesuai dengan saiz fizikal anak. Tujuannya agar dapat duduk dengan postur badan yang baik. Elakkan menggunakan meja atau kawasan yang terlalu tinggi.

• **Siapkan suasana yang menyenangkan.** - Ajar anak-anak menulis dengan cara menyeronokkan misalnya ketika menyanyi atau bermain. Kebanyakan kanak-kanak gemar belajar menulis dengan perkara menarik seperti menggunakan buku berwarna dan gambar.

• **Latih kemampuan mereka untuk mencengkam.** - Tulisan tangan bermanfaat untuk kesihatan tubuh kanak-kanak secara keseluruhan. Oleh itu, sebelum mengajar kanak-kanak cara menulis dengan cantik, bangunkan kemahiran mencengkam terlebih dahulu dan antara perkara yang boleh meningkatkan kekuatan tangan mereka adalah dengan bermain tanah liat.

• **Minta bantuan guru di sekolah.** - Kanak-kanak yang menghadiri tadika biasanya sudah mula belajar menulis di sekolah. Bagaimanapun, jika awda mahu mereka menjadi lebih mahir, berlatih juga kemahiran menulis ketika berada di rumah, minta bantuan guru untuk menyediakan kertas latihan menulis yang perlu dilakukan di rumah.

• **Ajar mereka menulis huruf menggunakan corak.** - Buat corak menggunakan titik-titik yang membentuk setiap huruf supaya mereka dapat menulis mengikut corak. Dengan melakukan ini, anak-anak pastinya akan terbiasa menulis menggunakan corak yang telah dibuat. Kaedah sedemikian dapat menjadikan tulisan tangan kanak-kanak lebih kemas dan senang dibaca.

SENTIASA MENDAMPINGI AL-QURAN DI BULAN RAMADAN



ANTARA yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran Jemaah Subuh, Kelas Dewasa Al-Quran dan Kelas Muslimah sempena menyambut bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan bawah).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

SERASA, Khamis, 20 Februari. — Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang malam tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Jemaah Subuh, Kelas Dewasa Al-Quran dan Kelas Muslimah sempena menyambut bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis berkenaan berlangsung di Masjid Az-Zakireen Meragang.

Majlis Khatam Al-Quran berkenaan bertujuan untuk menyemarakkan suasana ketibaan bulan Ramadan yang bakal menjelang.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi menanamkan keimanan dalam jiwa para peserta dan membiasakan mereka untuk berdamping dengan

Al-Quran semasa berada di bulan Ramadan nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penghulu Mukim Serasa merangkap Ketua Kampung Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang, Awang Mohammad bin Haji Tamin.

Turut hadir ialah Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Kampung Meragang, Awang Madzlan bin Haji Jumat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang dipimpin oleh Imam Masjid Az-Zakireen, Awang Haji Shahbirin bin Haji Mohd. Noor.

Imam Masjid Az-Zakireen kemudian mengetuai bacaan Doa Takhtim dan Doa Khatam, manakala imam masjid berkenaan, Awang Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkiflee memimpin bacaan Doa Harakaran Sultan.

Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban yang dilangsungkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Az-Zakireen.



Keputusan Peperiksaan SSSRU dikeluarkan

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Februari. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajaran Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Secara keseluruhan, seramai 5,024 calon telah menduduki Peperiksaan SSSRU bagi Tahun 1445H / 2024M. Daripada jumlah ini, seramai 4,634 orang adalah calon sekolah dan 390 orang adalah calon bukan sekolah.

Daripada seramai 4,634 orang calon sekolah, 3,167 orang calon telah lulus dengan peratus pencapaian sebanyak 68.34 peratus. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,806 calon (60.55 peratus) memperoleh Pangkat 1, Pangkat 2 seramai 326 calon (7.03 peratus); dan 35 orang calon (0.76 peratus) memperoleh Pangkat 3.

Sementara itu, 28 daripada 133

buah sekolah / pusat peperiksaan yang mendaftar bagi peperiksaan ini iaitu 21.05 peratus telah berjaya memperoleh pencapaian 100 peratus lulus.

Guru-guru besar sekolah ugama yang berkenaan bolehlah mengambil keputusan dan slip pernyataan keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Sabtu, 22 Februari 2025M di Pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di Lantai Bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis pada waktu pejabat dibuka.

Calon-calon sekolah yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di sekolah ugama masing-masing. Manakala bagi calon-calon persendirian bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di Pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI bertempat di Lantai Bawah, Bangunan KHEU, Jalan Dewan Majlis pada waktu pejabat dibuka.

dibuka.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui SMS menggunakan telefon bimbit dengan menuai KHEU (jarak) Reg (jarak) Nombor Pusat Peperiksaan (jarak) Nombor Indeks Calon dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST atau 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan. Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang mendaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

PUISI

EMPAT DEKAD MERDEKA (Perjalanan dan Cabaran)

Dulu rentak jalan dan langkah
Belum tegap dan belum sederap
Masih janji belum serentak
Terkadang sinding dan teragak-agak
Namun tetap jua kuat bersemangat
Penuh kudrat dan iradat
Tetap bekurih, tahan bejirah
Kerana telah ditekadkan untuk belurih

Beberapa tahun kebelakangan
Jalan dan langkah nampak tersusun dan rata
Geraknya keras, deras dan kemas
Kerana matlamat dan hala tuju
Digarap penuh hemat dan cermat
Dalam menggapai untuk mencapai
Cita-cita dan hasrat
Sebagaimana dicanang dan dibariga
Dalam Wawasan 2035

Kini
Jalan dan langkah
Diorak lebih padat, tegap dan serentak
Hasrat dan tujuan
Tindakan dan keputusan
Tidak lagi teragak-agak
Kerana telah diusai dengan strategi
Dan dibulatkan dengan tekad dan janji
Dengan niat lurus, telus dan tulus
Bawaha persada ini, bumi ini
Tidak lagi akan dibiarkan
Dimanisi dan dijanjih
Dengan gula-gula
Dan madu bercampur hempedu
Seperti salutan umpan
Dikail yang tajam

Kenang-kenanganlah
Sebelum empat dekad yang lalu
Malah sebelum beberapa abad yang lalu
Titik peluh lilihan keringat
Malah titisan dan tumpahan darah
Para pejuang, pahlawan dan perwira negara
Menggadai nyawa
Mengorbankan jiwa
Memperjuangkan mempertahankan
Menangkis menghadang
Malah berani menyerbu dan menyerang
Musuh durjana dan para petualang
Yang berbagai bentuk dan rupa
Dengan bermacam cara dan siasahnya
Berbagai alasan dan tipu daya
Yang tujuannya semata-mata memperdaya
Untuk menakluk, menjajah dan menegakkan kuasa

Kini
Lebih empat dekad telah merdeka
Selama itu juga peluang untuk kita
Telah luas terbuka
Dalam mengurus mentadbir negara
Dengan berbagai cara dan tata kelola
Mengusai dan memperkasa negara
Dengan semangat dan daya cipta kita

Begitulah dengan kemerdekaan
Kita telah mencapai kemajuan
Tetapi masih ada lagi
Malah masih banyak lagi
Ruang untuk memperbaiki
Dan menambah lagi pencapaian itu

Kita telah mencapai kemakmuran
Namun perlu lagi ada usaha
Untuk mempertingkat dan mempergiat
Kemakmuran itu

Kita berada dan menikmati keamanan
Namun wajib dipelihara dan dipertahankan

Kita sedang berada dalam kenikmatan
Maka syukurilah kenikmatan itu
Peliharalah dengan kekuatan iman
Dengan ilmu dan keyakinan

Seperti yang dimaksudkan dengan firman Ar-Rahman :
"Jika kamu mensyukuri nikmat kurnia-Ku
Nescaya akan Ku tambah lagi nikmat tersebut"

Begitulah nikmat merdeka
Bila sudah tercapai
Amat berat memeliharanya
Amat sukar mempertahankannya
Amat sulit mengendali dan menegakkannya

Itulah nada dan suara kemerdekaan
Itulah kehendak dan kemauan kebebasan
Itulah juga cabaran yang perlu dihadapi
Maka;
Pastikanlah kita memperkaya persiapan diri
Dengan ilmu, kepandaian dan pengalaman
Penuh takwa dan kekuatan iman

Begitulah seruan pertiwi
Jangan dikhianati jangan dimungkiri
Jaga dan peliharalah
Perkasakan dan pertahankan
Agar kemerdekaan tetap berkekalan
Sentosa sepanjang zaman

MZM
Serambi Rumah Imtiaz
2 Februari 2025



VIET NAM LULUS PROJEK LANDASAN KERETA API LEBIH US\$8 BILLION UNTUK HUBUNGKAN CHINA

ISLAMABAD, 19 Feb. - Parlimen Viet Nam pada Rabu meluluskan projek landasan kereta api bernilai lebih US\$8 bilion yang akan

menghubungkan bandar pelabuhan utaranya dengan sempadan China. Projek yang menghubungkan

kedua-dua negara itu mendapat sokongan besar daripada pengubal undang-undang, dengan 455 daripada 459 ahli parlimen mengundi menyokongnya, lapor Anadolu Ajansi (AA) yang memetik

Viet Nam News.

Laluan utama adalah sepanjang 391 kilometer, dengan 28km laluan cabang yang menghubungkan Haiphong, bandar pelabuhan itu, ke Lao Cai, sebuah bandar pergunungan yang bersempadan dengan wilayah Yunnan di China.

Projek itu akan merangkumi sembilan kawasan, dengan jumlah kos dianggarkan kira-kira US\$8.36 bilion. Kajian kebolehlaksanaan akan bermula tahun ini, dan Viet Nam menyasarkan untuk menyiapkannya menjelang 2030, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Kazakhstan bentang laporan akhir siasatan nahas pesawat di Aktau menjelang Disember

ASTANA, 19 Feb. - Laporan akhir siasatan ke atas nahas pesawat Azerbaijan Airlines berhampiran Aktau, Kazakhstan akan dibentangkan menjelang Disember 2025, kata Naib Menteri Pengangkutan Kazakhstan, Talgat Lastayev pada Rabu, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Menurut keperluan dan piawaian serta amalan yang disyorkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), siasatan mesti diselesaikan dalam tempoh satu tahun. Sehubungan itu, laporan akhir siasatan akan disiapkan menjelang Disember tahun ini," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata Kementerian Pengangkutan Kazakhstan sedang menunggu keputusan pemeriksaan teknikal.

Menurut beliau, pakar dari pelbagai negara berhubung rapat dan Kementerian Pengangkutan Kazakhstan tidak dapat mendedahkan butiran nahas yang tidak dinyatakan dalam laporan awal. Beliau turut menggesa media untuk menunggu laporan akhir jawatankuasa siasatan.

"Saya percaya kerja ini tidak mempunyai sebarang rahsia. Sebagai negara yang bertanggungjawab dalam siasatan nahas, kami mengutamakan keobjektifan dan ketelusan. Ini adalah prinsip utama penyiasatan yang bertujuan mencegah kejadian serupa pada masa hadapan," katanya.

Sebuah pesawat AZAL Embraer 190 yang dalam penerbangan dari ibu negara Azerbaijan, Bakuke Grozny, Rusia terhempas pada 25 Disember berhampiran bandar Aktau di barat Kazakhstan.

Pesawat itu membawa 62 penumpang dan lima kru. Kementerian Kecemasan Kazakhstan memaklumkan bahawa 29 orang terselamat. Kotak hitam pesawat berkenaan dihantar ke Brazil untuk proses penyahkodan bagi memastikan ketelusan siasatan. - ©BERNAMA

Pengguna China belanjakan US\$70 juta untuk udang kara Viet Nam pada Januari

HANOI, 19 Feb. - Pengguna China membelanjakan kira-kira US\$70 juta untuk udang kara Viet Nam pada Januari, menandakan peningkatan sembilan kali ganda berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Menurut Persatuan Pengeksport dan Pengeluar Makanan Laut Vietnam (VASEP), jumlah eksport akuatik Viet Nam pada bulan itu mencapai US\$774 juta, meningkat 3 peratus tahun ke tahun.

Peningkatan ini terutamanya didorong oleh permintaan kukuh China untuk produk makanan laut segar premium, termasuk udang kara, ketam, kerang dan siput, ketika pengguna bersiap sedia untuk perayaan Tahun Baharu Cina, lapor agensi berita Viet Nam (VNA).

Eksport udang kara ke China sahaja menyumbang hampir separuh daripada jumlah eksport makanan laut Viet Nam ke negara itu. Selain itu, eksport ketam menyaksikan lonjakan lapan belas kali ganda, mencapai US\$18.5 juta.

Permintaan kukuh dari China ini membantu meningkatkan keseluruhan eksport udang Viet Nam sebanyak 24 peratus, menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan sektor ini.

Tahun lepas, Viet Nam mengeksport udang bernilai US\$843 juta ke China, meningkat 39 peratus tahun ke tahun. China mengatasi Amerika Syarikat sebagai pasaran eksport udang terbesar Viet Nam, laporinya.

Menurut VASEP, udang kara Viet Nam yang menyasarkan pengguna berpendapatan tinggi, mengekalkan permintaan yang stabil walaupun ekonomi China perlahan dan pengurangan perbelanjaan pengguna.

Segmen makanan laut premium yang kukuh menawarkan peluang kepada perniagaan Viet Nam untuk memanfaatkan corak penggunaan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan industri sepanjang tahun, menurut VNA. - ©BERNAMA

China komited wujudkan sistem tadbir urus global yang adil dan saksama

NEW YORK, 19 Feb. - Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) mengadakan mesyuarat peringkat tinggi mengenai mengamalkan multilateralisme dan menambah baik tadbir urus global, pada Selasa.

Menyeri Luar China Wang Yi ketika mempengerusikan mesyuarat itu berkata tahun 2025 menandakan ulang tahun ke-80 penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Dalam menghadapi perubahan besar pola dunia ketika kini, negara 'Selatan Global' perlu belajar daripada pencapaian lepas dan bergerak seiring ke arah

pemodenan, sambil memainkan peranan utama dalam usaha menambah baik sistem tadbir urus global," kata beliau.

Wang pada masa sama menegaskan kepentingan untuk memelihara kesamarataan kedaulatan, keadilan dan solidariti, selain mempromosikan pendekatan berorientasikan tindakan.

Beliau berkata sejak Republik Rakyat China mengambil alih semula kerusi sahnya di PBB, negara itu secara konsisten menyumbang demi tadbir urus global di samping menyediakan pelan penyelesaian China.

"China meneruskan tadbir urus global yang aman dan selamat,

memilih pembangunan secara damai, menyelesaikan pertikaian dan perbezaan melalui rundingan, selain komited memainkan peranan yang membina dalam menangani isu global. China bersedia bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk belajar daripada sejarah, mengukuhkan multilateralisme dan membina sistem tadbir urus global yang lebih adil dan saksama," kata Wang.

Dalam mesyuarat itu, Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres memberikan laporan situasi. Perwakilan peringkat tinggi daripada lebih 100 negara, seperti menteri luar, menghadiri mesyuarat berkenaan. - ©BERNAMA

Lebih 150 *false killer whales* terdampar di pantai Australia

SYDNEY, 19 Feb. - Lebih 150 *false killer whales* ditemukan terdampar di sebuah pantai di Australia pada Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik pihak berkuasa tempatan.

Jabatan Sumber Semula Jadi dan Alam Sekitar Tasmania memaklumkan bahawa daripada 157 yang terdampar di kawasan barat laut pulau itu, 90 daripadanya masih hidup.

False killer whale atau nama saintifiknya *pseudorca crassidens* ialah spesies dalam keluarga ikan lumba-lumba (*Delphinidae*) yang boleh mencapai berat antara 500

kilogram hingga tiga tan serta panjang sehingga enam meter.

Pegawai Perkhidmatan Taman dan Hidupan Liar Tasmania, Brendon Clark berkata bahawa ini merupakan insiden pertama membabitkan spesies ikan terbabit dalam tempoh kira-kira 50 tahun.

"Kebanyakan kejadian yang hampir serupa biasanya melibatkan ikan paus pandu (*pilot whale*). Ketika ini, kami masih belum mengetahui punca kejadian," katanya.


Pasukan hidupan liar berada di lokasi bagi menilai keadaan

haiwan serta kemungkinan usaha menyelamat.

"Bagaimanapun, penilaian awal menunjukkan usaha untuk mengapungkan semula ikan berkenaan berdepan kesukaran berikutnya lokasi yang sukar diakses, keadaan lautan serta cabaran membawa peralatan khas ke kawasan terpencil ini," jelas Clark.

Insiden terakhir ikan *false killer whales* terdampar secara besar-besaran di Tasmania berlaku pada Jun 1974, membabitkan antara 160 hingga 170 ekor, katanya. - ©BERNAMA

Tangshan promosi pertumbuhan kluster industri robot



TANGSHAN, 19 Feb. - Seorang kakitangan memperkenalkan produk robot kimpalan di pusat paparan dan pengalaman robot di Tangshan, Wilayah Hebei utara China, 18 Februari 2025.

Tangshan telah berusaha dalam beberapa tahun kebelakangan ini untuk mempromosi pertumbuhan berterusan kluster industri robot. Usaha-usaha telah dilakukan untuk meningkatkan pelaburan dalam sains dan teknologi, memajukan penyelidikan dan pembangunan yang inovatif dan mengembangkan senario aplikasi robot.

Bandar tersebut telah menempatkan 222 perusahaan berkaitan robot, dan 21 institusi penyelidikan dan pembangunan robot di peringkat wilayah. Robot-robot khas yang dikeluarkan di sini, seperti robot kimpalan, robot pemeriksaan khas, robot penyelamat kecemasan dan produk lain, dijual dengan baik di dalam dan luar negara. - ©XINHUA

'PALESTIN BUKAN UNTUK DIJUAL' : PRESIDEN ABBAS TEGASKAN TOLAK RANCANGAN PEMINDAHAN PAKSA

RAMALLAH (Palestine), 21 Feb. - Presiden Palestin Mahmoud Abbas menegaskan negaranya bukan untuk dijual dan penolakannya terhadap sebarang usaha pemindahan penduduk Palestin secara paksa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan perasmian mesyuarat Jawatankuasa Pusat Fatah di Ramallah, tengah Tebing Barat, pada Rabu, menurut agensi berita rasmi Palestin, Wafa.

Merujuk kepada penyertaannya dalam Sidang Kemuncak Kesatuan Afrika di Addis Ababa yang berakhir Sabtu lepas, Abbas menyatakan bahawa beliau menegaskan semula pendirian tegas Palestin terhadap sebarang percubaan untuk memindahkan rakyat Palestin.

"Palestin bukan untuk dijual," tegasnya sambil mengulangi pendirian tegas Palestin bahawa tiada bahagian daripada wilayahnya – termasuk Gaza, Tebing Barat atau Baitulmuqaddis – akan dilepaskan.

Abbas turut menekankan

kepentingan mematuhi legitimasi antarabangsa dan Inisiatif Keamanan Arab sebagai asas bagi sebarang penyelesaian politik berkaitan itu Palestin.

Inisiatif Keamanan Arab, yang diterima pakai pada Sidang Kemuncak Liga Arab 2002 di Beirut, menyeru penubuhan negara Palestin yang diiktiraf dalam sempadan 1967 dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya, sebagai pertukaran untuk negara Arab yang mengiktiraf Israel dan normalisasi hubungan.

Abbas turut mengalukan kenyataan Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE) Mohammed bin Zayed yang dibuat pada Rabu semasa pertemuannya dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Marco Rubio, di mana baginda menegaskan semula penolakan negaranya terhadap sebarang usaha memindahkan penduduk Palestin serta menekankan bahawa pembinaan semula Gaza mesti dikaitkan dengan laluan yang membawa kepada keamanan menyeluruh.

Jawatankuasa Pusat Fatah turut menolak semua seruan untuk pemindahan paksa rakyat Palestin dari Semenanjung Gaza atau mana-mana wilayah Palestin yang diduduki, menurut laporan Anadolu.

Jawatankuasa itu menegaskan bahawa rancangan sedemikian pasti akan gagal, memandangkan penentangan jelas daripada pihak Arab dan antarabangsa yang menganggapnya sebagai pelanggaran undang-undang serta legitimasi antarabangsa.

Jawatankuasa itu turut memuji pendirian Jordan, Mesir, Arab Saudi dan negara-negara Arab lain yang menolak sebarang usaha untuk memindahkan rakyat Palestin atau menjelaskan hak mereka.

Presiden AS Donald Trump telah berulang kali mencadangkan untuk 'mengambil alih' Gaza dan memindahkan penduduknya bagi membangunkan semula wilayah itu menjadi apa yang dipanggilnya sebagai 'Riviera Timur Tengah'. Namun, cadangan itu ditolak sekeras-kerasnya oleh dunia

Arab dan negara-negara lain yang menyifatkannya sebagai satu bentuk pembersihan etnik.

Perjanjian gencatan senjata dan pertukaran tahanan di Gaza berkuat kuasa pada 19 Jan, menghentikan sementara serangan Israel yang telah mengorbankan lebih 48,300 rakyat Palestin dan meninggalkan enklaf itu dalam runtuh.

Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) telah mengeluarkan waran tangkap pada November tahun lepas

terhadap Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu dan bekas Menteri Pertahanannya Yoav Gallant atas jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan di Gaza.

Israel juga berdepan kes genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) berhubung serangannya ke atas wilayah itu. - ©BERNAMA

Ethiopia lancar kempen vaksinasi polio, sasar 13.8 juta kanak-kanak

ADDIS ABABA, 20 Feb. - Kerajaan Ethiopia melancarkan kempen vaksinasi polio di seluruh negara pada Rabu, dengan sasaran lebih 13.8 juta kanak-kanak.

Institut Kesihatan Awam Ethiopia (EPHI) berkata kempen itu yang dijadualkan bermula pada Jumaat, akan dijalankan di sembilan wilayah Ethiopia, untuk memberi vaksin kepada lebih 13.8 juta kanak-kanak di bawah umur lima tahun, menurut pegawai EPHI yang dipetik oleh Fana Broadcasting Corporate pada Rabu, lapor Xinhua.

Negara di timur Afrika itu menyediakan kira-kira 85,000 profesional kesihatan untuk melaksanakan kempen vaksinasi selama empat hari. EPHI menggesa ibu bapa untuk memberi vaksin kepada anak mereka, tanpa mengira sama ada mereka telah divaksin sebelumnya terhadap virus itu.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Ethiopia membuat kemajuan mengagumkan dalam usaha membasmi polio. WHO menyatakan, sejak kes terakhir virus polio liar dikesan pada Januari 2014, negara itu mengalami virus polio yang berpunca daripada vaksin yang tersebar.

Pada November tahun lalu, kerajaan Ethiopia bekerjasama dengan WHO untuk memberi vaksin kepada lebih 5.6 juta kanak-kanak menggunakan vaksin polio oral novel jenis 2. Menurut WHO, kempen vaksinasi itu bertujuan mencegah penularan dan peredaran wabak virus polio varian.

WHO juga menjelaskan virus yang lemah daripada vaksin polio oral boleh bermutasi semula menjadi virus aktif, yang berpotensi menyebabkan lumpuh.

Polio merupakan penyakit virus yang sangat berjangkit yang sebahagian besarnya menjelaskan kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Virus ini disebarluaskan melalui hubungan antara individu, terutamanya melalui laluan najis-oral, dan membiak dalam usus sebelum menyerang sistem saraf dan menyebabkan lumpuh. - ©BERNAMA

Trudeau umum pembangunan rangkaian kereta api berkelajuan tinggi pertama di Kanada

OTTAWA, 20 Feb. - Perdana Menteri Kanada, Justin Trudeau mengumumkan pada Rabu yang Kanada sedang membangunkan rangkaian kereta api berkelajuan tinggi di koridor Toronto-Quebec City, kawasan yang paling padat penduduk di negara itu, lapor Xinhua.

Rangkaian kereta api ini akan merentasi kira-kira 1,000 kilometer dan mencapai kelajuan sehingga 300km/jam, dengan hentian di Toronto, Peterborough, Ottawa, Montreal, Laval, Trois-Rivieres dan Quebec City, kata Trudeau menerusi kenyataan media.

Menurut kenyataan itu, apabila beroperasi, masa perjalanan semasa akan dipendekkan separuh, membawa penumpang dari Montreal ke Toronto dalam masa tiga jam. Nama rasmi perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi ini akan dikenali sebagai Alto.

Cadence dipilih bukan sahaja untuk mereka bentuk dan membina, tetapi juga untuk membaiayai, mengendalikan dan menyelenggarakan projek ini, menurut kenyataan itu.

Cadence adalah konsortium syarikat dengan kepakaran dan pengetahuan dalam reka bentuk, pembangunan dan pengendalian infrastruktur pengangkutan berskala besar, termasuk CDPQ Infra, AtkinsRealis, Keolis, SYSTRA, SNCF Voyageurs, dan Air Canada.

Pada November 2022, Kerajaan Kanada menubuhkan sebuah syarikat milik kerajaan, VIA HFR (sekarang Alto) untuk mengawasi projek itu. Alto dan Cadence akan menandatangani kontrak yang menggariskan temarai bagi fasa seterusnya projek berkenaan, jelas kenyataan itu lagi.

Koridor Toronto-Quebec City diduduki 18 juta orang, 40 peratus daripada KDNK Kanada, lebih 700,000 pelajar, dan lebih 30 kolej dan universiti. - ©BERNAMA

Pengeluar utama zamrud Zambia puji keputusan gantung duti eksport permata

LUSAKA (Zambia), 20 Feb. - Pengeluar zamrud utama Zambia pada Rabu memuji kerajaan atas keputusannya untuk menggantung duti eksport 15 peratus ke atas permata dan logam berharga, lapor Xinhua.

Gemfields, pemegang saham majoriti Kagem Minerals Limited, pengeluar zamrud utama negara itu, memuji kerajaan atas tindak balasnya yang cepat dan mengagumkan terhadap duti eksport 15 peratus.

"Sektor zamrud Zambia memberikan pertumbuhan yang luar biasa sejak 16 tahun yang lalu

dan hari ini, dengan margin yang signifikan, merupakan pengeksport zamrud terbesar di dunia," kata Sean Gilbertson, Ketua Pegawai Eksekutif Gemfields, dalam satu kenyataan.

Beliau berkata pendekatan kolaboratif dan tindakan tegas kerajaan bertujuan mewujudkan pertumbuhan dan peluang pekerjaan untuk Zambia, sambil berkata langkah itu meletakkan industri kembali ke landasan untuk meneruskan trajektori pertumbuhannya.

Pada Selasa, kerajaan

mengumumkan penangguhan duti eksport selepas pemain industri merungut mengenai pengenalan semula duti tersebut. Ia berkata keputusan itu bertujuan untuk membolehkan pengeluar tempatan bersaing dengan lebih berkesan semasa lelongan dan jualan di pasaran global.

Bulan lepas, kerajaan memperkenalkan semula duti eksport, yang pertama kali diperkenalkan pada 2019 tetapi digantung kemudian pada tahun yang sama selepas rundingan dengan pemain industri. - ©BERNAMA

Jepun rekod 3.78 juta pelawat asing pada bulan Januari

TOKYO, 20 Feb. - Jepun menyaksikan 3.78 juta pelancong asing pada Januari, jumlah bulanan tertinggi pernah direkodkan, data daripada Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan Jepun (JNTO).

Pemacu utama pertumbuhan itu ialah peningkatan mendadak dalam pelancong dari tanah besar China semasa Tahun Baharu China, yang jumlahnya meningkat lebih dua kali ganda tahun ke tahun kepada 980,300 pada bulan itu.

Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah juga melaporkan bilangan pelawat Januari yang memecahkan rekod.

Menurut JNTO, faktor seperti kemalangan syarikat penerbangan baru-baru ini di Korea Selatan dan keimbangan terhadap keselamatan di destinasi Asia yang lain mungkin telah mempengaruhi pelancong China untuk memilih Jepun.

Kerajaan Jepun telah



ORANG ramai melawat Tasik Kawaguchiko di wilayah Yamanashi, Jepun.

menetapkan sasaran untuk menarik 60 juta pelawat tahunan dan 15 trilion yen dalam

perbelanjaan menjelang 2030. (1 dolar AS bersamaan dengan 151 yen). - ©XINHUA



ePaper Pelita Brunei



BVBC ADAKAN PERLAWANAN BADMINTON PERSAHABATAN DI TEMBURONG



PERLAWANAN Badminton Persahabatan tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara kedua-dua pasukan.

Berita dan Foto :
Ihsan Pasukan Badminton
Veteran Bengkung
Community

BANGAR, TEMBURONG, Rabu, 19 Februari. - Pasukan Badminton Veteran Bengkung Community (BVBC) baru-baru ini mengadakan Perlawan Badminton Persahabatan dengan Pasukan Pengguna Dewan Kemasyarakatan Bangar dan Rataie bertempat di Dewan Belalong, Pekan Bangar, di sini.

Pada perlawan persahabatan tersebut, BVBC diketuai oleh Haji Mohd. Alidin bin Haji Kura manakala Pasukan Pengguna Dewan Kemasyarakatan Bangar dan Rataie diketuai oleh Awang Haji Bahrum bin Haji Talib.

Perlawan Badminton Persahabatan tersebut antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara kedua-dua pasukan.

IOC mengumumkan Perkongsian Olimpik Seluruh Dunia dengan TCL

BEIJING, 21 Feb. - Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) mengumumkan Perkongsian Olimpik Seluruh Dunia dengan syarikat teknologi global TCL sehingga 2032 di Pusat Akuatik Nasional di sini pada Khamis.

TCL jenama China, yang diasaskan pada tahun 1981, tertumpu terutamanya pada elektronik pengguna, teknologi paparan dan tenaga bersih dan firma itu telah pun mewujudkan perkongsian jangka panjang dengan organisasi seperti Persekutuan Bola

Keranjang Antarabangsa (FIBA) dan Persatuan Bola Keranjang China (CBA).

Menurut perjanjian IOC, TCL akan menjadi Rakan Olimpik dan Paralimpik Sedunia rasmi dalam kategori peralatan audiovisual rumah dan perkakas rumah.

"IOC teruja untuk mengumumkan perkongsian baharunya dengan TCL, peneraju dunia dalam industri televisyen dan barang isi rumah. TCL mempunyai sejarah panjang menyokong sukan di seluruh dunia, dan kini mengambil cita-citanya untuk menginspirasikan kehebatan ke tahap baharu, memandangkan Sukan Olimpik adalah pentas sukan global yang paling hebat dan paling memberi inspirasi," kata

presiden IOC, Thomas Bach.

Li Dongsheng, pengasas dan pengerusi TCL, berkata, "Sukan Olimpik memberi inspirasi kepada orang di seluruh dunia, dan pelbagai inovasi TCL akan memperkasakan Sukan Olimpik dan Sukan Paralimpik serta menyampaikan pengalaman yang luar biasa kepada penonton global. TCL akan terus memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya, menyokong matlamat pembangunan mampan Olimpik, dan mencipta masa depan yang lebih baik."

TCL kemudian menjadi jenama China ketiga, selepas gergasi e-Dagang Alibaba dan gergasi tenusu Mengniu, untuk menyertai Perkongsian Olimpik Seluruh Dunia. - ©XINHUA



MAJLIS Menandatangani TCL sebagai Rakan Olimpik Seluruh Dunia.

Tahukah Awda

DUTA Bahasa merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada mereka yang berusaha dan telah memberikan sumbangan yang besar dalam memperkasakan Bahasa Melayu baik di peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa. Duta bahasa ini akan menjadi suri teladan khususnya bagi generasi baharu di negara ini, di samping menjadi penyuntik semangat kepada masyarakat untuk menggunakan Bahasa Melayu secara menyeluruh. Duta Bahasa pertama kali diberikan sempena Sambutan Bulan Bahasa 2015.

SUMBER : <http://www.dbp.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERSATU PADU MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN